

PELESTARIAN WARISAN MEK MULUNG DI NEGERI  
KEDAH DALAM KONTEKS SOSIOBUDAYA

NURFARHANA IDAHYU BINTI JAAFAR

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2022

FTKWW



FTKW

## PELESTARIAN WARISAN MEK MULUNG DI NEGERI KEDAH DALAM KONTEKS SOSIOBUDAYA

OLEH:

**NURFARHANA IDAHYU BINTI JAAFAR**

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat Kelayakan  
Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_



**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*



**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

NURFARHANA IDAHYU BINTI  
JAAFAR  
Tarikh: 21/02/2022


Tandatangan Penyelia

DR. NORAZLINDA BT MOHAMED  
ROSDI  
Tarikh: 22/02/2022

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.



### OPEN ACCESS


I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)



### EMBARGOES


I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from \_\_\_\_\_ until \_\_\_\_\_



### CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972) \*



### RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done) \*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

---

SIGNATURE

---

SIGNATURE OF SUPERVISOR

990717-08-8456

---

IC/PASSPORT NO.

Date: 21/02/2022

DR. NORAZLINDA BT. MOHAMED ROSDI

---

NAME OF SUPERVISOR

Date: 22/02/2022

Note: \* If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan berkat-Nya, saya dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya dalam tempoh masa yang ditetapkan walaupun terpaksa menempuh pelbagai rintangan dan cabaran. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia kajian saya iaitu Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi atas bimbingan, sokongan, nasihat serta dorongan yang telah beliau berikan sepanjang menyiapkan kajian ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada panel pembentangan iaitu Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan dan Dr. Suraya Binti Sukri atas komen dan nasihat yang diberikan sewaktu proses pembentangan dijalankan. Di samping itu, sekalung kasih dan setinggi-tinggi sanjungan saya tujuhan kepada ibu bapa saya iaitu Jaafar Bin Ahmad dan Halimatun Sadiah Binti Abdul Rani yang selalu membantu dari segi kewangan, tenaga dan iringan doa serta memberi motivasi yang membina sepanjang kajian dijalankan.

Seterusnya, tidak lupa juga setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Kamarusdin bin Debak, Encik Saipol Bahari Mohd Iman dan juga penduduk Kampung Wang Tepus kerana sudi ditemubual dan memberikan maklumat yang lebih terperinci berkaitan persembahan Mek Mulung sekaligus membantu saya menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan seperjuangan yang membantu dalam memberi pendapat dan sokongan moral sepanjang kajian ini dijalankan. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana memberikan peluang dan ruang kepada saya selaku pelajar dalam bidang Pengajian Warisan untuk menjalankan dan menyiapkan kajian ilmiah ini.

**PELESTARIAN WARISAN MEK MULUNG DI NEGERI KEDAH DALAM  
KONTEKS SOSIOBUDAYA**

**ABSTRAK**

Penyelidikan ini berkaitan dengan pelestarian warisan Mek Mulung di Negeri Kedah dalam konteks sosiobudaya. Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sejarah dan perkembangan Mek Mulung di Negeri Kedah disamping mengkaji konteks sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung di Kedah. Antara konteks sosiobudaya yang terdapat dalam Mek Mulung adalah dialek, jalan cerita dan adat-adat dalam persembahan Mek Mulung yang harus dilestarikan dan dipraktikkan kepada generasi seterusnya. Di samping itu, kajian ini juga akan menghuraikan langkah-langkah yang dilakukan dalam usaha melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah yang melibatkan pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) cawangan Kedah, AKRAB, ASWARA dan lain-lain. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif seperti temubual, kaedah pemerhatian, kajian kepustakaan dan laman sesawang serta penyelidikan secara etnografi. Data yang diperolehi oleh pengkaji membolehkan pengkaji menganalisis data dengan lebih mendalam berkaitan persembahan Mek Mulung. Pada akhir bab ini, pengkaji akan memberi cadangan dan saranan kepada pihak yang bertanggungjawab termasuklah individu dan masyarakat supaya warisan Mek Mulung akan dapat dipromosikan dan dilestarikan di Negeri Kedah serta kekal sehingga generasi akan datang.

Kata kunci: Mek Mulung, Negeri Kedah, sejarah dan perkembangan, konteks sosiobudaya, usaha melestarikan

# PRESERVATION OF MEK MULUNG'S HERITAGE IN KEDAH IN THE SOCIO - CULTURAL CONTEXT

## ABSTRACT

*This research is related to the preservation of Mek Mulung heritage in Kedah in the socio-cultural context which is to identify the history and development of Mek Mulung in Kedah as well as to study the socio - cultural in this art. Among the socio- cultural contexts found in Mek Mulung are dialects, storylines and customs in Mek Mulung performances that must be preserved and practiced for the next generation. In addition, this study also describe the efforts to preserve the heritage of Mek Mulung in Kedah involving responsible department such as JKKN, AKRAB, ASWARA and others. Next, this study uses qualitative methods such as interviews, observation methods, library and website research as well as ethnographic research. The data obtained by the researcher allows the researcher to analyze the data in more depth related to the preservation of Mek Mulung. At the end of this chapter, the researcher will give suggestions and recommendations to those responsible, including individuals and the community so that the heritage of Mek Mulung will be promoted and preserved in the State of Kedah and remain until future generations.*

*Keywords:* Mek Mulung, Kedah State, history and development, socio-cultural context, preservation efforts

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>THESIS DECLARATION</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI GAMBAR</b>	x
<b>SENARAI PETA</b>	xi
<b>SENARAI CARTA</b>	xi
<b>SENARAI KEPENDEKKAN</b>	xii

## BAB I PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Kesimpulan	9

<b>BAB II</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0	Pengenalan	10
2.1	Definisi Warisan Budaya Tidak Ketara	11
2.2	Pelestarian Warisan	11
2.3	Seni Persembahan Mek Mulung	11
2.4	Sejarah Dan Perkembangan Mek Mulung	13
2.5	Konteks Sosiobudaya Dalam Persembahan Mek Mulung	14
2.6	Langkah Untuk Melestarikan Mek Mulung	16
2.7	Kerangka Teori	18
	2.7.1 Teori Semiotik Budaya	19
2.8	Kesimpulan	20
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pengenalan	21
3.1	Pendekatan Kajian	22
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.3	Kaedah Kajian	24
3.4	Teknik Pengumpulan Data	25
	3.4.1 Data Primer	25
	3.4.2 Data Sekunder	26
3.5	Persampelan	27
3.6	Analisis Data	28
3.7	Instrumen Kajian	29

3.8	Kesimpulan	30
<b>BAB IV DAPATAN KAJIAN</b>		
4.0	Pengenalan	31
4.1	Dapatan Kajian	32
4.1.1	Latar Belakang Informan	32
4.2	Sejarah Dan Perkembangan Mek Mulung Di Negeri Kedah	32
4.2.1	Sejarah Mek Mulung di Negeri Kedah	32
4.2.2	Fungsi Persembahan Mek Mulung	35
4.2.3	Perkembangan Budaya Warisan Mek Mulung Dalam Masyarakat Negeri Kedah	35
4.3	Konteks Sosiobudaya Yang Terdapat Dalam Warisan Mek Mulung Di Kedah	37
4.3.1	Simbol Atau Makna Pada Pakaian, Alat Muzik, Tarian, Lagu Dan Ruang Persembahan	39
4.3.2	Nilai Sosiobudaya Atau Nilai Moral Dalam Jalan Cerita Mek Mulung	47
4.4	Langkah-Langkah Yang Dilakukan Dalam Usaha Melestarikan Warisan Mek Mulung	50
4.5	Kesimpulan	52

<b>BAB V</b>	<b>PENUTUP</b>	
5.0	Pengenalan	54
5.1	Perbincangan	
	5.1.1 Sejarah Dan Perkembangan	57
	5.1.2 Konteks Sosiobudaya Dalam Persembahan	
	Mek Mulung	57
	5.1.3 Usaha Yang Dilakukan Dalam Melestarikan	
	Mek Mulung	59
5.2	Cadangan Dan Saranan	
	5.2.1 Cadangan Kepada Individu Dan Masyarakat	60
	5.2.2 Cadangan Kepada Pihak Kerajaan Dan Badan	
	Bukan Kerajaan (NGO)	61
5.3	Kesimpulan	63
	<b>RUJUKAN</b>	65
	<b>LAMPIRAN</b>	68

**SENARAI GAMBAR**

<b>NO. GAMBAR</b>		<b>HALAMAN</b>
Gambar 1	Persembahan Mek Mulung	32
Gambar 2	Busana Raja Dan Puteri	40
Gambar 3	Pakaian Peran	40
Gambar 4	Topeng Yang Dipakai Oleh Tok Wak	41
Gambar 5	Pakaian Penari Mek Mulung	41
Gambar 6	Ensembel Muzik 1	43
Gambar 7	Ensembel Muzik 2	43
Gambar 8	Tarian Sembah	44
Gambar 9	Pergerakan Dalam Bentuk Bulatan	44
Gambar 10	Lirik Lagu Raja Nak Bangkit	45
Gambar 11	Lirik Lagu Gerak Timpuh	45
Gambar 12	Ruang persembahan (Bangsal)	46

**SENARAI PETA**

<b>NO. PETA</b>		<b>HALAMAN</b>
Peta 1	Lokasi Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah	7

**SENARAI CARTA**

<b>NO. CARTA</b>		<b>HALAMAN</b>
Carta 1	Carta Alir Rekabentuk Kajian	24
Carta 2	Carta Alir Analisis Data	28

**SENARAI KEPENDEKAN**

JKKN	-	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
MTKN	-	Majlis Kebudayaan Negeri Kedah
MTNK	-	Majlis Teater Negeri Kedah
UNESCO	-	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
ASWARA	-	Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan
FTN	-	Festival Teater Negeri
NGO	-	Non- Governmental Organization

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Di Malaysia, terdapat banyak seni persembahan yang menjadi tarikan dan terkenal di setiap negeri. Seni persembahan terdiri daripada nyanyian, tarian, teater dan segala karya seni yang dapat dipersembahkan secara langsung. Di Negeri Kedah, antara beberapa jenis teater tradisional yang masih wujud adalah seperti Menora, Jikey, Wayang Kulit Gedek dan Mek Mulung. Kajian ini memfokuskan kepada warisan Mek Mulung yang semakin dilupakan oleh masyarakat di Negeri Kedah amnya. Kajian ini bukan sahaja memfokuskan tentang sejarah dan perkembangan Mek Mulung tetapi penyelidik juga ingin mengkaji aspek sosiobudaya yang ada dalam persembahan Mek Mulung.

Mek Mulung adalah gabungan kesenian seperti lakonan, tarian, muzik dan nyanyian yang dipersembahkan dalam satu persembahan. Persembahan ini telah menjadi salah satu hiburan masyarakat di Negeri Kedah sejak zaman dahulu lagi. Terdapat lebih kurang 12 hikayat yang ada dalam persembahan Mek Mulung. Salah satu keunikan teater Mek Mulung ini adalah penggunaan dialek Kedah Tua yang dikenal seingga kini. Penggunaan dialek ini adalah gambaran dari zaman dahulu mengenai tatacara rakyat Kedah bersama golongan raja. Teater Mek Mulung ini juga turut mencerminkan kehidupan dan adat budaya masyarakat terdahulu terutamanya di Kedah.

Dari segi fungsinya, Mek Mulung merupakan medium hiburan pada suatu ketika dahulu. Bukan itu sahaja, juga berfungsi sebagai medium terapi dan pemulihan serta pengubatan orang-orang terdahulu. Terdapat juga unsur ritual dalam persembahan ini. Namun, pada era globalisasi ini, warisan Mek Mulung semakin dipinggirkan oleh masyarakat. Persembahan Mek Mulung yang terkenal dan terdapat di Negeri Kedah jarang diketahui oleh orang luar bahkan penduduk di Negeri Kedah juga jarang mendengarnya. Warisan Mek Mulung terkenal dengan konteks sosiobudaya yang tersendiri yang boleh dipraktikkan dalam masyarakat.

Oleh itu, kajian tentang pelestarian warisan Mek Mulung dalam konteks sosiobudaya di Negeri Kedah penting untuk dijalankan supaya nilai sosiobudayanya dapat dipraktikkan dan tidak hilang begitu saja. Bab ini akan membincangkan berkaitan latar belakang yang ingin dijalankan, permasalahan kajian, objektif, dan persoalan kajian, skop serta kepentingan kajian. Dalam konteks semasa, kajian yang dijalankan berkaitan Mek Mulung sangatlah terhad. Oleh hal yang demikian, tujuan penyelidik menjalankan penyelidikan adalah untuk melestarikan warisan Mek Mulung dalam konteks sosiobudaya dan bagi mengetahui asal usul serta perkembangan Mek Mulung di Negeri Kedah. Pelbagai pihak juga haruslah memainkan peranan masing-masing bagi mengekalkan seni persembahan ini supaya dapat diturunkan untuk generasi seterusnya.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Teater tradisional Mek Mulung terdapat di negeri jelapang padi iaitu Kedah Darul Aman. Bentuk dan struktur persembahannya seakan-akan menyerupai Mak Yong, Menora dan juga Jikey. Seni persembahan ini sangat terkenal pada zaman dahulu tetapi kurang mendapat perhatian pada masa kini. Sungguhpun persembahan ini tampak mudah namun, Mek Mulung mempunyai nilai tradisi yang tinggi. Bukan itu sahaja, Mek Mulung mempunyai tarikan dan kelainan yang tidak terdapat pada persembahan lain. Mek Mulung berasal daripada perkataan "Mek" iaitu panggilan kepada gadis. Perkataan "Mulung" pula berasal dari nama hutan tempat pertunjukan bermula. Selain

itu, Mek Mulung dikatakan berasal dari Ligor, Siam, dan mula diperkenalkan di Kedah semasa berlakunya pertikaian antara Kedah dan Siam.

Mek Mulung dikatakan telah diperkenalkan dari satu kampung ke kampung yang lain iaitu dari Kampung Perit, Kuala Nerang ke Kampung Mulung, Kampung Paya Keladi dan akhirnya di Kampung Wang Tepus, Jitra Kedah. Pelakon Mek Mulung terdiri daripada semua lelaki yang berpakaian seperti perempuan. Watak protagonis merupakan seorang raja dan juga dikenali sebagai Pak Mulung manakala Mek Mulung dikenali sebagai seorang puteri. Dalam persembahan Mek Mulung, ahli muzik berfungsi sebagai suara latar dan mereka juga turut menyanyi.

Antara tarian yang dipersembahkan dalam persembahan Mek Mulung adalah tarian Puteri Mabuk, tarian Sembah dan tarian Gambang. Selain daripada tarian dan lakonan, terdapat juga nyanyian yang merupakan nadi persembahan Mek Mulung. Antara lagu yang dinyanyikan adalah Lagu Berjalan, Dondang Sayang dan Timang Welo. Terdapat juga alat muzik yang digunakan seperti serunai, gong, semborong dan kecerek. Namun, dapat dilihat bagaimana persembahan ini semakin kurang dipersembahkan disebabkan oleh beberapa faktor. Maka, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk mengekalkan persembahan ini.

Pelestarian dalam konteks ini adalah memelihara dan melindungi sesuatu perkara secara berterusan supaya tidak hilang dan dilupakan, manakala konteks sosiobudaya ditakrifkan sebagai hubungan masyarakat dengan budaya dari segi adat istiadat dan cara hidup sesuatu masyarakat. Dialek Kedah Tua masih dikekalkan dalam persembahan Mek Mulung. Keunikan dialek ini tidak dapat ditiru oleh orang yang bukan berasal dari Kedah. Orang yang bertanggungjawab untuk melestarikan warisan Mek Mulung harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan supaya warisan ini terus dijaga dan tidak dilupakan. Kebanyakkan masyarakat tidak mengetahui warisan Mek Mulung ini kerana warisan ini hanya wujud di Kedah sahaja.

Warisan Mek Mulung juga mempunyai nilai sosiobudaya yang tinggi dalam masyarakat Contohnya, jalan cerita yang disampaikan, bahasa yang digunakan, adat dan pantang larang dalam Mek Mulung berkait rapat dengan budaya masyarakat. Usaha untuk memulihara dan mengekalkan warisan Mek Mulung di Kedah haruslah dilakukan dengan segera kerana warisan ini mempunyai identiti dan nilai estetika yang tersendiri. Pihak yang bertanggungjawab perlu berusaha untuk mengekalkan dan memartabatkan warisan Mek Mulung supaya dapat menarik minat orang ramai dan seterusnya dapat dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Persembahan Mek Mulung masih dilestarikan sehingga kini di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah. Seni persembahan ini menggabungkan unsur seperti tarian, nyanyian, muzik dan lakonan dalam suatu persembahan. Struktur tradisional lagu, muzik, tarian dan watak-watak dalam persembahan ini tidak diubah dan sama seperti asalnya. Hal ini menggambarkan keunikan warisan Mek Mulung dalam konteks sosiobudaya. Sungguhpun persembahan ini terkenal di Negeri Kedah tetapi persembahan Mek Mulung kurang diketahui oleh orang luar dari Negeri Kedah.

Mek Mulung mungkin kurang popular jika dibandingkan dengan persembahan lain seperti persembahan Mak Yong yang terkenal di Negeri Kelantan. Kebanyakkan generasi muda di Negeri Kedah terutamanya tidak mengetahui kewujudan Mek Mulung. Pelapis warisan Mek Mulung juga sudah tiada dan semakin pupus. Kini, hanya satu sahaja kumpulan yang tinggal dan yang terdapat di Kedah. Hal ini akan menyebabkan warisan Mek Mulung berada pada tahap terancam jika tiada pelapis yang akan menyambung legasi Mek Mulung ini.

Nilai sosiobudaya dalam kalangan masyarakat yang terdapat dalam Mek Mulung sangatlah tinggi. Misalnya, bahasa yang digunakan adalah dialek Kedah. Keunikan dialek ini perlu dikekalkan dalam warisan Mek Mulung supaya keunikan ini tidak diubah dengan alasan untuk memodenkannya. Selain itu, jalan cerita yang

mengekalkan ciri-ciri dan budaya tradisional memperlihatkan Mek Mulung sebagai teater tradisional yang unik dan indah. Unsur ritual, upacara bertabik, upacara bertabuh dan kenduri diadakan sebelum menyaksikan persembahan pada malam hari merupakan antara konsep sosiobudaya dalam seni persembahan Mek Mulung.

Pendokumentasian ilmiah tentang warisan Mek Mulung masih kurang dan sedikit untuk masyarakat dapat. Melalui kajian lepas yang dijalankan oleh penulis, rata-rata penulis lebih tertumpu kepada persoalan tertentu sahaja dan mengikut kecenderungan penulis tersebut. Justeru itu, penyelidik ingin memfokuskan pada aspek sosiobudaya yang terdapat dalam persembahan Mek Mulung. Melalui penyelidikan ini, sekurang-kurangnya dapat mengisi ruang ilmiah yang terbiar begitu sahaja.

Mek Mulung harus diangkat sama tinggi dengan warisan yang lain seperti Hadrah, Wayang Kulit, Mak Yong dan Menora. Kelangsungan kesenian ini secara tidak langsung akan memperlihatkan budaya Melayu yang mementingkan hubungan baik antara individu dan penuh dengan adab dan tradisi. Pelbagai pihak haruslah memainkan peranan dalam usaha untuk memelihara warisan kesenian ini. Contoh pihak yang bertanggungjawab adalah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kedah (JKKN), Majlis Kebudayaan Negeri Kedah (MTKN) dan Majlis Teater Negeri Kedah (MTNK)

Selain daripada pihak ini, pelbagai pihak yang lain turut memainkan peranan supaya nilai sosiobudaya dalam warisan Mek Mulung tidak hilang begitu sahaja. Terdapat banyak kesan kepada masyarakat jika warisan ini dipandang enteng oleh pihak yang bertanggungjawab. Oleh itu, Mek Mulung haruslah dikekalkan bagi mengelakkan warisan ini daripada pupus dan ditelan zaman. Warisan yang diturunkan daripada nenek moyang kita haruslah dipelihara supaya dapat diwariskan kepada generasi seterusnya. Semua pihak mempunyai peranan penting dalam menjaga dan melestarikan warisan Mek Mulung ini.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mencapai beberapa tujuan. Antaranya ialah:

- i. Mengenalpasti sejarah dan perkembangan Mek Mulung di Negeri Kedah.
- ii. Mengkaji konteks sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung di Kedah.
- iii. Menghuraikan langkah-langkah yang dilakukan dalam usaha melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah.

### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian dalam penyelidikan ini adalah:

- i. Bagaimanakah sejarah dan perkembangan Mek Mulung di Negeri Kedah bermula?
- ii. Apakah konteks sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung di Kedah?
- iii. Apakah langkah-langkah yang dilakukan dalam usaha melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah?

### **1.5 SKOP KAJIAN**

Skop kajian ini lebih tertumpu kepada masyarakat di Negeri Kedah dan pihak yang bertanggungjawab. Kajian ini dijalankan di Kampung Wang Tepus, Jitra Kedah. Hal ini kerana, Kampung Wang Tepus di Kedah merupakan satu-satunya tempat yang masih melestarikan warisan Mek Mulung ini. Selain itu, berdasarkan kepada objektif dalam

konteks sosiobudaya yang mana pengkaji ingin lihat sejauh mana masyarakat bersatu dalam memartabatkan Mek Mulung di kampung tersebut.



Peta 1: Lokasi Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah

Sumber: Google Maps

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian tentang Mek Mulung sangatlah terhad dan terbatas daripada aspek muzik, sejarah dan struktur persembahan. Hasil kajian ini penting untuk mengetahui sejarah dan perkembangan warisan Mek Mulung dan usaha untuk mengekalkan warisan Mek Mulung dalam konteks sosiobudaya. Sosiobudaya merupakan hubungan masyarakat dengan budaya seperti cara hidup, kepercayaan, dan adat istiadat. Dalam persembahan Mek Mulung ini, nilai sosiobudayanya adalah tinggi sehingga menjadikan warisan ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan penting untuk dikekalkan oleh masyarakat. Antara contoh nilai sosiobudaya yang terdapat dalam persembahan Mek Mulung adalah dialek, adat sebelum memulakan persembahan dan jalan cerita yang mengekalkan ciri-ciri dan budaya tradisional. Kajian ini dapat memberi kepentingan kepada individu, masyarakat, pihak institusi dan negara. Antara kepentingannya adalah:

### **1.6.1 Individu**

Warisan Mek Mulung akan menarik minat individu untuk mempelajari dan menghargai kepentingan serta keunikan yang terdapat dalam persembahan Mek Mulung. Masa yang terluang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh individu untuk mempelajari warisan Mek Mulung ini.

### **1.6.2 Masyarakat**

Dalam aspek masyarakat, kajian ini penting kerana bagi mempromosi dan memperkenalkan warisan Mek Mulung kepada orang ramai yang kurang mengetahui akan kewujudan persembahan ini. Selain itu, untuk mengekalkan Mek Mulung supaya tidak pupus dan dapat diwariskan kepada generasi seterusnya. Masyarakat juga akan lebih menghargai warisan seni persembahan yang semakin pupus ini.

### **1.6.3 Pihak Institusi**

Kepentingan kajian ini kepada pihak institusi adalah untuk menjadikan bahan rujukan tambahan kepada pelajar dan memperbanyakkan lagi koleksi berkaitan penyelidikan Mek Mulung.

### **1.6.4 Negara**

Dalam aspek negara, seni persembahan ini dapat menjana ekonomi negara. Contohnya, dengan mempromosikan Mek Mulung di luar daripada Negeri Kedah dan luar negara. Kerajaan haruslah mengambil inisiatif untuk melestarikan warisan Mek Mulung setara dengan Mak Yong, Wayang Kulit dan sebagainya. Jika Mak Yong telah diiktiraf di peringkat UNESCO, kita juga haruslah mempertahankan dan mengekalkan warisan

Mek Mulung agar lebih dikenali sebagai warisan tanah air di negara kita. Hal ini bagi mengelakkan warisan ini hanya dikenali melalui bahan bacaan atau dapat dilihat di muzium sahaja.

### 1.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji telah menjelaskan mengenai latar belakang dan asal usul Mek Mulung dalam bab ini. Seni persesembahan Mek Mulung merupakan persesembahan yang sudah lama berada di Negeri Kedah. Namun begitu, teater ini tidak begitu terkenal seperti seni persesembahan yang lain. Misalnya, Dikir Barat, Hadrah dan Mak Yong. Warisan ini perlulah dipulihara oleh komuniti dan masyarakat terutamanya kepada generasi muda. Kini, pelapis Mek Mulung hanya tinggal satu kumpulan sahaja yang masih aktif.

Ekoran daripada itu, warisan Mek Mulung akan berada pada tahap terancam jika tiada pelapis yang akan menyambung legasi Mek Mulung ini. Masyarakat kini lebih gemar mengejar arus kemodenan sehingga mengabaikan warisan yang terdahulu. Kepentingan warisan tidak ketara Mek Mulung ini haruslah dijaga kerana seni persesembahan ini akan selalu berubah mengikut peredaran zaman. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif yang dikemukakan oleh pengkaji iaitu dari segi sejarah dan perkembangan, konteks sosiobudaya yang terdapat dalam persesembahan Mek Mulung dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak tertentu bagi melestarikan warisan ini.

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 PENGENALAN

Pengkajian tentang pelestarian Mek Mulung dalam konteks sosiobudaya tidak boleh dipandang enteng kerana seni persembahan ini kurang terkenal dalam kalangan masyarakat Malaysia berbanding teater Mak Yong yang sudah diiktiraf menjadi warisan budaya tidak ketara oleh UNESCO. Sebenarnya tidak banyak kajian lepas yang mengkaji tentang konteks sosiobudaya dalam warisan Mek Mulung. Oleh hal yang demikian, kajian ini penting dijalankan bagi mengkaji sejarah, perkembangan dan aspek sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung serta langkah yang bersesuaian yang perlu diambil untuk mengekalkan warisan ini. Terdapat beberapa kajian lepas yang dilaksanakan dalam pelbagai perspektif berkaitan persembahan Mek Mulung.

Sebagai contoh, Mohd Ghazali (1995) dan Mohamed Ghouse (2003) membuat penyelidikan berkaitan perkembangan dan latar belakang yang terdapat dalam seni persembahan seperti Wayang Kulit, Mak Yong, Jikey dan termasuk Mek Mulung. Selain itu, Toh Lai Chee (2004) membuat kajian berkaitan penceritaan dan gerak tari dalam persembahan Mek Mulung. Ghulam-Sarwar (1974) menerangkan tentang perubahan semasa yang berlaku ke atas Mek Mulung manakala Matusky & Tan Sooi Beng (1997) pula menjelaskan berkaitan mengenai penggunaan alat muzik dan aspek muzik dalam persembahan Mek Mulung. Akhir sekali, Mohammad Lufti (2012) melakukan usaha mendokumentasi persembahan Mek Mulung daripada pelbagai perspektif berhubungan kelestarian persembahan Mek Mulung.

## 2.1. DEFINISI WARISAN BUDAYA TIDAK KETARA

Warisan budaya tidak ketara dapat ditafsirkan sebagai perbahasan dan aspek bahasa yang merangkumi teater, gurindam, tarian, peribahasa, muzik, ungkapan tradisi dan cerita rakyat termasuk seni mempertahankan diri. (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2018).

## 2.2 PELESTARIAN WARISAN

Menurut (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2018), pelestarian warisan dalam warisan budaya tidak ketara yang wujud berhubung dengan warisan Malaysia mempunyai nilai estetik yang tinggi dan haruslah dikekalkan. Hal ini kerana, warisan inilah yang menjadi identiti bangsa dan negara pada masa kini dan akan datang.

## 2.3 SENI PERSEMBAHAN MEK MULUNG

Seni persembahan didefinisikan sebagai karya seni yang terdiri daripada nyanyian, muzik teater, tarian dan sebarang karya seni yang dinukilkhan melalui persembahan secara langsung. Teater merupakan satu seni yang mempunyai elemen seperti lakonan, teks, arah dan pemandangan. Teater juga mewakili situasi, cerita dan konflik dalam jalan penceritaanya. Tarian pula adalah pergerakan badan yang berirama dalam mengekspresikan seni diiringi oleh muzik, idea, konsep, cerita dan perasaan manakala muzik adalah gabungan prinsip asas melodi, irama dan harmoni serta bunyi yang dapat diterima oleh pendengarnya.

Menurut Alan Dundes (1965) kebanyakan warisan yang menjadi hak milik masyarakat desa menjadi sumber hiburan ketika menyambut keramaian tertentu dan untuk mengisi masa lapang. Hal ini memberi gambaran bahawa persembahan rakyat seperti ini dipersembahkan di kawasan kampung dan jauh daripada kesibukan kota.

Mek Mulung bukan sahaja menjadi hiburan kepada masyarakat dan untuk menghilangkan lelah penduduk kampung tetapi juga mampu untuk menjadi suatu kebanggan masyarakat di Kedah.

Seni persembahan Mek Mulung masih bertahan sehingga kini kerana ada segelintir pengiat seni yang masih melestarikannya. Meskipun begitu, orang ramai masih tidak tahu kewujudan teater Mek Mulung ini kerana dimainkan di kawasan yang terpencil. Pada dasarnya, persembahan Mek Mulung sangatlah sederhana dari segi pakaian dan peralatannya. Menurut (Mohd Taib Osman, 1982:58), Mek Mulung dipersembahkan di sebuah bangsal. Bangsal tersebut dibina oleh ahli-ahli Mek Mulung. Persembahan ini diadakan hanya setahun sekali iaitu pada bulan Julai atau Ogos.

Sebagai sebuah persembahan rakyat ataupun sebuah teater tradisional Melayu, Mek Mulung mempunyai tatacara persembahan yang tersendiri. Mek Mulung mempunyai amalan persembahan yang diturunkan oleh generasi terdahulu dan dipatuhi sehingga kini. Contohnya, permulaan persembahan Mek Mulung sehingga ke akhir diikuti dari segi aturan, ciri dan peringkat persembahan.

Teater tradisional ini mempunyai masa yang tertentu dan tidak boleh dilakukan pada sembarang waktu. Sekiranya pihak Jabatan Kebudayaan atau muzium ingin menjemput ahli Mek Mulung untuk mengadakan persembahan, persembahan ini akan dipersembahkan secara ringkas sahaja dan tidak lengkap. Persembahan yang lengkap akan dilakukan di kampung halaman mereka sahaja. Keadaan itu berlaku disebabkan ruang pentas yang sempit, waktu yang dianjurkan oleh pihak pengajur dan penglibatan ahli yang sedikit.

Seperti yang diketahui, persembahan Mek Mulung benar-benar mengikut tradisi dan amalan persembahan terdahulu. Amalan atau konvensi ini menetapkan bahawa hanya dimainkan di bangsal asal yang terletak di kampung itu sahaja. Hal ini ingin membuktikan bahawa mesej yang disampaikan dalam persembahan Mek Mulung itu akan lebih dihayati dan difahami oleh penonton jika Mek Mulung dipersembahkan di

bangsal tersebut. Masyarakat juga akan merasakan seolah-olah berada di dalam situasi sebenar sewaktu menonton persembahan.

Menurut (Mohamed Ghous Nasarudin, 2000:81) ahli kumpulan Mek Mulung terdiri daripada 15 sehingga 20 orang yang diketuai oleh Pak Mulung. Pak Mulung memainkan watak sebagai raja. Selain itu, terdapat juga watak yang lain seperti Peran (pelawak), pemuzik dan penarik. Peralatan muzik yang digunakan dalam persembahan ini adalah gendang semorong, gendang anak, gendang ibu yang mempunyai saiz yang berbeza, gong dan serunai. Kostum yang dipakai oleh pemainnya adalah tidak khusus. Mereka boleh mengenakan pakaian yang biasa dan bersesuaian sahaja. Namun, untuk watak pelawak, pemain harus memakai topeng bagi menimbulkan rasa lucu kepada penonton.

## 2.4 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MEK MULUNG

Menurut (Mohammad Luthfi, 2011) latar kemunculan Mek Mulung mempunyai pelbagai versi yang berbeza-beza tentang sejarah dan perkembangan Mek Mulung yang bermula di Kedah. Asal-usul Mek Mulung ini berasal dari cerita-cerita lisan yang berkisarkan bagaimana warisan ini berada di Kampung Wang Tepus tersebut. Mohamed Ghous Nasarudin (2000:78-80) telah mengemukakan beberapa versi cerita lisan tentang asal-usul Mek Mulung ini.

Versi yang pertama adalah mengenai kisah tujuh puteri jelita Raja Ligor iaitu Puteri Bongsu yang dibenci oleh kakak-kakaknya. Kakak-kakaknya menghasut raja supaya menghalau puteri bongsu keluar dari negeri. Terdapat seorang dayang pengasuh yang mengikut puteri itu sewaktu dihalau. Apabila sudah besar, Puteri Bongsu mempunyai paras rupa yang cantik dan pandai menglipur lara, menari serta menyanyi kerana diajar oleh dayang pengasuh tersebut. Puteri Bongsu menjadi seorang penglipur lara kepada orang kampung. Puteri tersebut akan menyanyi dari kampung ke kampung sehinggalah beliau datang ke Kampung Wang Tepus dan menu buhkan kumpulan yang dikenali sebagai Mek Mulung.

Versi yang kedua pula adalah mengenai sepasang suami isteri yang inginkan anak. Mereka selalu berdoa dan doa mereka telah dikabulkan. Mereka dikurniakan anak perempuan dengan dibantu oleh bidan ketujuh. Mengikut kepercayaan masyarakat dahulu, anak yang bakal dilahirkan akan mempunyai kuasa sakti jika bidan ketujuh hadir. Anak itu diberi nama Mek Mulung. Apabila anaknya besar, anaknya sangat gemar menari dan menyanyi lagu “kecik milik” iaitu salah satu lagu dalam persembahan Mek Mulung. Setelah itu, bapanya telah menujuhkan kumpulan yang mempersembahkan nyanyian, lakonan, tarian dan cerita rakyat yang dikenali sebagai Mek Mulung.

Menurut Ahmad bin Shahadan (ketua kumpulan Mek Mulung) sewaktu Siam menyerang Kedah, ahli kumpulan penggiat seni Mek Mulung yang terdiri daripada lapan orang telah pulang semula ke Kedah dan masuk ke Kampung Perik, Mukim Padang Terap, Kedah (Mohammad Luthfi, 2011). Mereka menghidupkan semula warisan Mek Mulung semasa berada di sana. Setelah itu, mereka berpindah-randah dari satu kampung ke kampung yang lain dan akhirnya bertapak di Wang Tepus sehingga ke hari ini.

Penggiat Mek Mulung juga dipercayai mempunyai pertalian darah dengan generasi asal Mek Mulung tersebut. Berdasarkan sumber lisan ini dapatlah disimpulkan bahawa asal-usul Mek Mulung ini adalah berasal daripada orang Kedah sendiri. Dari Siam, mereka kembali semula ke Kedah dan melestarikan teater tradisional ini sehingga sekarang. Telahan dan andaian yang mengatakan persembahan ini berasal dari Thailand haruslah diperhalusi semula berdasarkan kepada sumber lisan yang didapati (Umi Abdullah ed., 2003).

## 2.5 KONTEKS SOSIOBUDAYA DALAM PERSEMBAHAN MEK MULUNG

Konsep sosiobudaya adalah amalan peradaban dan gaya hidup sesuatu masyarakat yang lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat untuk merangsang pembangunan hidup masyarakat berkenaan. Di Malaysia, kepelbagai penduduk

seperti orang-orang Melayu, orang Cina, orang India dan etnik etnik yang lain telah mewujudkan pelbagai budaya yang menjadi pegangan dan amalan hidup mereka. Sosiobudaya merupakan amalan yang sepatutnya ada dalam setiap lapisan masyarakat. Hal ini kerana, pembangunan negara hari ini berlaku akibat daripada perubahan sosiobudaya masyarakat. Oleh itu, sebagai masyarakat yang prihatin, kita hendaklah memandang tinggi kepada aspek peradaban sosiobudaya.

Konsep sosiobudaya ini meliputi agama, politik, bahasa, adat resam dan kepercayaan serta lain-lain lagi. Sebagai contoh, dalam konteks sosiobudaya, upacara kenduri akan diadakan sebelum persembahan Mek Mulung bermula pada waktu malam. Kenduri ini bertujuan bagi menjamu waris-waris penggiat seni. Penduduk kampung juga dibenarkan hadir bagi memeriahkan lagi kenduri tersebut. Pada malam hari, mereka akan menyaksikan persembahan Mek Mulung dengan meriahnya. (Mohammad Luthfi, 2011). Hal ini menunjukkan gambaran awal kemeriahinan nilai sosiobudaya yang tinggi dalam masyarakat penduduk Kampung Wang Tepus berkaitan seni warisan Mek Mulung.

Dua elemen yang penting dalam seni persembahan Mek Mulung terdiri daripada jalan cerita dan tarian. Elemen cerita yang berlaku pada zaman dahulu terdiri daripada cerita rakyat tempatan. (Toh Lai Chee 2004) & (Zamzuriah 2019). Cerita-cerita rakyat seperti ini dapat menarik minat masyarakat setempat untuk menonton persembahan Mek Mulung. Contoh cerita rakyat dalam persembahan ini adalah bertemakan cerita hikayat seorang raja, puteri dan anak raja. Selain itu, elemen tarian merupakan pelengkap dan tarian ini haruslah selari dengan jalan cerita dalam persembahan Mek Mulung.

Pembukaan persembahan akan dimulakan dengan upacara bertabik. Menurut (Mohamed Ghouse Nasarudin, (2000) nama dan kata keramat diseru bagi mengelakkan daripada sebarang gangguan. Namun begitu mereka telah mengubahkan kepada bacaan doa dan kata-kata yang baik (Ahmad Shahadan, 2017). Selain bertabik, upacara bertabuh juga ada dalam persembahan ini. Dalam konteks sosiobudaya, terdapat juga

unsur ritual dalam persembahan. Semua alat-alat muzik akan diasap terlebih dahulu sebelum persembahan (Mohammad Luthfi,2011).

Terdapat banyak unsur-unsur dalam persembahan Mek Mulung yang berkait rapat dengan konsep sosiobudaya. Oleh itu, usaha untuk memelihara dan mengekalkannya perlulah diambil perhatian oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Menurut (Natasha Edreena& Zuliskandar Ramli, 2020) wujudnya halangan dalam usaha untuk mengekalkan seni persembahan tradisional kerana generasi muda dan masyarakat kini lebih gemar dengan budaya luar contohnya budaya *kpop*.

Nilai-nilai kesenian tradisional kita akan terhakis dari semasa ke semasa jika langkah pemuliharaan tidak dijalankan. Warisan kebudayaan seperti Mek Mulung haruslah mempunyai perintis jika mahu mengekalkannya. Pelbagai pihak seperti media massa memainkan peranan untuk menyeru masyarakat supaya menyertai program yang berkaitan dengan seni persembahan ini.

## 2.6 LANGKAH UNTUK MENGEKALKAN MEK MULUNG

Dalam usaha untuk melindungi dan menjaga warisan Mek Mulung kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan bolehlah digunakan supaya warisan ini terus terjaga untuk generasi akan datang. Tujuan utama pemeliharaan adalah untuk menjaga kepentingan budaya dengan mengekalkan warisan melalui kaedah pemuliharaan yang betul supaya kerosakan dapat dikurangkan dan kualitinya terjaga. Tambahan pula, generasi sekarang dilihat semakin meminggirkan seni persembahan yang terdapat di Malaysia.

Dalam persembahan Mek Mulung terdapat unsur ritual. Sungguhpun begitu, unsur ini dibuang seiring dengan perubahan masa dan dikatakan bercanggah dengan ajaran Islam. Menurut (Zamzuriah Zahari & Mohd Yuszaidy, 2020) perubahan ini penting bagi memastikan persembahan ini selari dengan zaman kini, Hal ini juga bagi

memastikan Mek Mulung diterima oleh masyarakat pada masa kini dan masih relevan dengan keadaan semasa. Perubahan struktur harus dilakukan kepada Mek Mulung daripada bersifat tradisional kepada bentuk hiburan dan komersial. Tujuannya adalah bagi memastikan persembahan Mek Mulung setanding dengan persembahan tradisional yang lain dan terus berdaya saing.

Pengamal persembahan Mek Mulung yang melakukan perubahan itu sendiri tetapi harus juga bergantung kepada tujuan persembahan diadakan. Hal ini bermaksud bukan semua struktur persembahan Mek Mulung diubah kerana struktur yang diubah haruslah mengikut kesesuaian kepentingan pemuliharaan Mek Mulung. Perubahan ini dilakukan kepada bahagian tertentu sahaja supaya tidak jauh berbeza daripada persembahan asal. Selain itu, elemen baru juga dimasukkan tetapi tidak akan menjelaskan tradisi Mek Mulung.

Antara perubahan yang dilakukan adalah dari struktur lagu bertabik. Lagu ini berkaitan dengan semangat untuk menyeru roh nenek moyang mereka. Menurut (Salleh Embut 2009) & (Ahmad Shahadan 2016) lagu ini hanya boleh dinyanyikan di bangsal asal Mek Mulung sahaja. Oleh itu, sekiranya ada permintaan untuk dimainkan di luar kawasan, mereka akan mengubah struktur persembahan tersebut. Mereka tidak akan menyanyikan lagu bertabik di luar kawasan bangsal supaya untuk memastikan persembahan ini boleh dipersembahkan di mana-mana sahaja.

Selain itu, perubahan juga dilakukan pada struktur tarian. Tarian ini akan dipendekkan mengikut permintaan dan keperluan. Perubahan ini tidak akan menjelaskan atau memberi kesan kepada persembahan Mek Mulung. Tarian ini boleh dipendekkan kerana mempunyai kaitan dengan lagu bertabik. Semasa pra persembahan, bahagian ini ditarikan oleh penari mengikut lagu bertabik. Hal ini kerana, tarian ini dan lagu menggunakan melodi yang sama (Salleh Embut 2009).

Terdapat lima elemen yang wajib ada dalam persembahan Mek Mulung. Elemen ini penting kerana tidak mahu menjelaskan plot cerita dalam persembahan. Disebabkan

itu, kebanyakan perubahan hanya dapat dilakukan pada lagu yang dinyanyikan semasa persempahan sahaja dengan cara memendekkan lagu-lagu tersebut. Tujuannya adalah untuk menjimatkan kos dan masa apabila dikomersialkan dalam persempahan. Mek Mulung juga akan menerima permintaan yang berbentuk korporat dan komersial.

Menurut (Salleh Embut,2018) perubahan pada lagu tidak akan menjelaskan lirik lagu kerana permulaan dan pengakhiran lagu masih sama dan dikenalpasti dalam persempahan. Akhir sekali, upacara tutup penggung juga dilakukan perubahan. Menurut (Ahmad Shahadan 2017) bacaan mantera diubah menjadi kata-kata yang baik dan bacaan doa. Perubahan ini berlaku bagi mengelakkan sebarang gangguan yang terjadi selepas persempahan. Perubahan yang dilakukan ini memudahkan penerimaan orang ramai pada zaman moden ini dan secara tidak langsung dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat.

## 2.7 KERANGKA TEORI

Kerangka teori merupakan elemen penting dalam sesuatu penyelidikan kerana berfungsi untuk menentukan persoalan kajian yang dikaji di samping untuk mengenal pasti soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian. Antara kaedah yang boleh dilakukan untuk menentukan kerangka teori adalah melalui kajian literasi yang lepas berkaitan dengan tajuk yang hendak dikaji. Penyelidik boleh memperoleh maklumat daripada kajian literatur melalui kata kunci, tajuk jurnal dan maklumat-maklumat lain yang ada dalam kajian tersebut.

Terdapat model, teori dan konsep yang pelbagai semasa membuat penyelidikan pada kajian literasi. Setelah itu, penyelidik harus membuat pengelasan kepada hasil dapatan kajian lepas untuk membuat kerangka teori pada kajian yang dikaji. Bagi kajian yang hendak dikaji, kerangka teori akan menghasilkan konsep, definisi, terma, orientasi disiplin dan teori. Seterusnya, akan membentuk persoalan kajian, analisis data dan teknik pengumpulan data.

Penyelidik hendaklah bijak memilih kerangka teori yang bersesuaian kerana akan menjadi panduan semasa menjalankan penyelidikan kelak. Contoh panduan tersebut adalah mengenai informan kajian, strategi pengumpulan data, prosedur pemilihan, soalan-soalan berkaitan penyelidikan, teknik menganalisis data dan lain-lain. Ciri kerangka teori yang baik adalah dapat membantu penyelidik mengenalpasti topik yang dikaji, memberi panduan kepada pengkaji untuk memilih informan yang sesuai, menjadi panduan untuk mencari kajian yang lepas dan memilih aspek yang difokus.

### **2.7.1 Teori Semiotik Budaya**

Dalam Bahasa Yunani, semiotik bermaksud tanda. Menurut (Charles Moris, 1985) perkataan 'semiotik' ini diperkenalkan oleh John Locle. Sungguhpun begitu, pembangunan dan perkembangan teori ini dibangunkan oleh Charles Sander Peirce dan Ferdinand De Saussure. Mereka berdua adalah tokoh yang terkenal dalam bidang ini. Definisi teori semiotik mengikut Saussure adalah ilmu pemahaman tentang tanda dalam kehidupan masyarakat. Beliau menyatakan bahawa tanda adalah merujuk kepada falsafah sosial dalam kehidupan bermasyarakat.

Teori semiotik mempunyai tiga sub teori dibawahnya iaitu semiotik sosiologi, semiologi komunikasi dan kod-kod budaya. Teori ini banyak digunakan dalam bidang linguistik, bahasa, sosial dan budaya. Menurut (Siti Chamamah Soeratno, 1999) Peirce menggunakan teori semiotik dalam bidang komunikasi yang berkaitan dengan budaya masyarakat dan kehidupan sosial. Dari sudut semiotik, budaya adalah bentuk-bentuk yang representatif. Semiotik budaya adalah kajian yang terkandung dalam budaya menggunakan sistem tanda.

Menurut (Bronwen Martin & Felizitas Ringham, 2006) contoh kod-kod budaya adalah bahasa, makanan, pakaian, peralatan, tempat kediaman, adat tradisi dan sebagainya. Kod-kod budaya juga mengkaji budaya dan amalan masyarakat seharian. Oleh itu, kod-kod budaya ini memainkan peranan dalam menentukan identiti sesuatu

masyarakat. Kod-kod budaya ini digunakan dalam kajian semasa untuk mengkaji kehidupan masyarakat. Dengan menggunakan teori semiotik dalam aspek kebudayaan, kita dapat melihat kebudayaan sebagai sistem tanda yang mempunyai makna tersirat di dalamnya. Justeru itu, teori ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana boleh dikaitkan dengan sosiobudaya dalam persembahan Mek Mulung. Teori ini juga biasa digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk seni persembahan.

## 2.8 KESIMPULAN

Sebagai rumusan, bab ini merupakan kajian-kajian lepas yang telah ditemui oleh pengkaji untuk dijadikan panduan sebelum melakukan kajian kelak. Kajian lepas berkaitan Mek Mulung ini amat kurang berbanding seni persembahan yang lain seperti seni persembahan Wayang Kulit, Ulek Mayang dan Mak Yong. Terdapat beberapa penyelidik yang membuat kajian tentang Mek Mulung seperti Mohd Lutfi (2012), Mohd Ghazali (1995) dan Mohamed Ghouse (2003) yang mengkaji tentang asal, perkembangan dan langkah memartabatkan Mek Mulung.

Warisan Mek Mulung mempunyai pelbagai konteks sosiobudaya yang terdapat di dalam persembahannya. Oleh itu, pengkaji melakukan penyelidikan ini bagi mengekalkan konteks sosiobudaya yang terdapat di dalam Mek Mulung. Hal ini kerana, warisan ini penting dikekalkan dalam masyarakat di Negeri Kedah dan bagi membuka mata masyarakat tentang kepentingan Mek Mulung untuk generasi akan datang.

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian sangat penting dalam sebuah kajian atau sewaktu menjalankan sesuatu penyelidikan. Dalam bab ini, metodologi kajian terdiri daripada pendekatan kajian, kaedah kajian, reka bentuk kajian, persampelan dan analisis data. Penyelidik haruslah memastikan kaedah yang digunakan bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Kaedah kualitatif digunakan untuk mengumpul maklumat dengan lebih terperinci dan tidak mengutamakan data yang berbentuk angka. Selain itu, skop kajian pendekatan kualitatif meliputi bilangan informan yang sedikit. Pendekatan kuantitatif pula dikatakan lebih berstruktur kerana melibatkan data yang berbentuk angka atau statistik serta skop kajian pendekatan kuantitatif melibatkan bilangan informan yang besar.

Rekabentuk kajian akan menentukan hasil kajian dalam sesuatu penyelidikan. Penyelidik memilih kajian kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Kajian ini adalah berkaitan dengan persoalan seperti apa, bagaimana dan mengapa. Selain itu, kajian ini adalah penakulan induktif. Metod dalam reka bentuk kajian kualitatif sering digunakan dalam bidang seperti bidang sejarah, sosiologi etnografi dan sains sosial. Penyelidik juga menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif (sampling). Persampelan adalah kumpulan yang menjadi sasaran penyelidik untuk mendapatkan data dan maklumat yang terdiri daripada individu, institusi, tempat atau fenomena. Terdapat dua jenis persampelan iaitu secara rawak (kuantitatif) dan secara tidak rawak (kualitatif).

### **3.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Terdapat dua jenis pendekatan kajian iaitu pendekatan kuantitatif atau pendekatan kualitatif. Menurut (Krejcie & Morgan, 1970; Cohen, 1992), pendekatan kuantitatif adalah kajian yang melibatkan statistik dan bilangan informan yang banyak. Data yang diperolehi akan diukur untuk membuktikan kesahihannya berdasarkan fakta, teori dan pembolehubah. Deskriptif dan inferensi adalah kesesuaian kajian yang boleh digunakan dalam pendekatan ini (Chua,2011). Kajian deksriptif melibatkan analisis umum dan keseluruhan populasi seperti peratusan, min, frekuensi, taburan skor dan sisihan piawai dalam membuat laporan manakala kajian inferensi adalah melibatkan keseluruhan populasi dan hanya satu sahaja sampel yang digunakan dalam data numerikal untuk membuat statistik.

Pendekatan kualitatif adalah kajian yang dijalankan melalui pemerhatian. Pendekatan ini tidak melibatkan bilangan informan yang banyak. Sungguhpun begitu, data yang diperolehi adalah berkualiti dengan cara memberi tumpuan kepada sampel yang kecil dalam satu kumpulan (Hamzah,2010). Data diperoleh melalui kaedah pemerhatian atau temubual. Perbezaan pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif adalah pendekatan kualitatif melibatkan proses dan analisis tematik manakala pendekatan kuantitatif melibatkan hasil. Selain itu, pendekatan kualitatif menggunakan logik induktif iaitu suatu proses berfikir hal-hal umum kepada hal yang khusus manakala, pendekatan kuantitatif menggunakan logik deduktif iaitu proses berfikir hal-hal khusus kepada umum.


### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Rekabentuk kajian merupakan salah satu kaedah atau teknik yang digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Selain itu, juga berfungsi dalam membantu penyelidik menganalisis hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan dan membuat kesimpulan dalam kajian yang dikaji tersebut. Pengkaji lampau mempunyai pendapat yang berbeza berkaitan reka bentuk kajian. Bagi

memperoleh dan menganalisis data, penyelidik menggunakan kerangka reka bentuk kajian (Bryman,2008). Manakala, menurut (Robson, 2011) fungsi reka bentuk kajian adalah menukar persoalan kajian kepada tujuan kajian, teori, metod kajian dan persampelan. Akhir sekali, pandangan (Creswell,2009) pula, rekabentuk kajian adalah cadangan atau rancangan yang berkaitan dengan strategi, falsafah.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kajian etnografi. Ia merupakan kajian lapangan yang berbentuk pemerhatian yang digunakan dalam kajian sosiologi dan antropologi (Creswell, 2005). Etnografi adalah bentuk kajian yang praktikal dalam membuat kajian bagi sesuatu kumpulan seperti pendidikan, kepercayaan, tingkahlaku dan bahasa. Rekabentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melibatkan kaedah temubual, kaedah pemerhatian dan kajian kepustakaan. Kajian ini dimulakan dengan mengenalpasti permasalahan kajian terlebih dahulu kerana ia berkait rapat dengan objektif kajian.

Seterusnya, kajian lepas dilakukan bagi mengenalpasti data-data yang boleh menjadi sumber rujukan dalam kajian yang bakal dijalankan. Penemuan maklumat yang didapati dalam kajian ini adalah melalui kajian lapangan iaitu melalui data primer dan data sekunder. Akhir sekali, setelah mendapat data dari hasil kajian lapangan, pengkaji akan menganalisis data yang diperolehi. Penjelasan ini dapat ditunjukkan melalui carta alir berikut:



Carta Alir 1.0: Rekabentuk Kajian

### 3.3 KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dilakukan menggunakan kaedah penyelidikan etnografi. Etnografi adalah mengenai sesuatu budaya, kepercayaan, adat dan tingkah laku serta lain-lain. Penyelidikan ini akan menggunakan

kaedah seperti temubual, pemerhatian dan kajian kepustakaan. Penggunaan kaedah ini amat sesuai untuk memperoleh data berkaitan kajian yang dijalankan.

### **3.4 TEKNIK PENGUMPULAN DATA**

Teknik pengumpulan data merupakan elemen yang penting dalam mengkaji sesuatu kajian. Penyelidik haruslah memilih kaedah yang bersesuaian untuk menjawab persoalan kajian. Data yang dipilih haruslah relevan dan sesuai bagi memastikan maklumat yang didapati sahih.

#### **3.4.1 Data primer**

Data primer adalah data yang pertama dan asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian yang boleh didapati melalui kajian lapangan seperti temubual, soal selidik dan pemerhatian (Yusuf,2003). Selain itu, data primer merupakan data yang tidak boleh didapati dalam fail atau laporan. Data ini boleh didapati daripada individu, ahli pakar atau kumpulan fokus. Data primer juga boleh dikumpulkan secara aktif atau pasif. Terdapat empat metod data primer secara pasif iaitu berstruktur dan bersifat rahsia, berstruktur dan bersifat terbuka, tidak berstruktur dan bersifat rahsia serta tidak berstruktur dan bersifat terbuka. Manakala, terdapat dua kaedah data primer secara aktif iaitu temubual secara langsung dan temubual secara tidak langsung.

Kaedah temubual secara langsung dilakukan secara bersemuka dengan informan. Penyelidik haruslah membuat persiapan awal sebelum menemu bual informan dengan cara menyediakan soalan yang berkaitan dengan penyelidikan terlebih dahulu sebelum berjumpa dengan informan. Temubual secara langsung juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu secara mendalam atau temubual berfokus. Kaedah temubual secara tidak langsung terbahagi kepada tiga iaitu melalui telefon, melalui surat atau melalui teknologi yang ada pada zaman kini (secara atas talian).

### i. **Kaedah Temubual:**

Bagi mengumpul data kajian, perolehan maklumat secara lisan juga penting. Kaedah temubual ini akan dilakukan secara langsung dan tidak berstruktur. Temu bual ini juga memfokuskan kepada mereka yang aktif dan berpengalaman dalam melestarikan warisan Mek Mulung. Seramai lima orang informan akan mengikuti dalam temu bual ini yang terdiri daripada orang kampung di Wang Tepus, Kedah, pemain muzik Mek Mulung dan wakil aktivis Teater AKRAB.

### ii. **Kaedah Pemerhatian (Etnografi):**

Dalam kaedah ini maklumat dan data akan diperolehi melalui pemahaman dan pemerhatian dari segi sub-budaya dan budaya. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian tidak ikut serta. Penyelidik dapat menginterpretasikan data yang didapati dengan bantuan rakaman video, audio serta temubual yang berkaitan dengan Mek Mulung dan mengaitkannya dengan konsep sosiobudaya.

#### **3.4.2 Data sekunder**

Data sekunder merupakan data-data lepas yang dikaji oleh pengkaji lain yang boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menjalankan kajian (Marican,2005). Persoalan kajian boleh dijawab kerana data ini masih lagi relevan untuk digunakan dan juga boleh dikembangkan sejajar dengan kajian masa kini. Antara contoh data sekunder adalah majalah, surat khabar, artikel, arkib dan sebagainya. Penyelidik juga menggunakan kaedah kepustakaan dan laman sesawang berdasarkan kajian yang akan dijalankan. Antara kelebihan data sekunder adalah dapat dijadikan perbandingan maklumat yang didapati, menjadi idea asas untuk memulakan penyelidikan dan membantu untuk membuat keputusan sama ada kajian ini sesuai untuk dijalankan atau tidak.

### i. Kajian Kepustakaan dan Laman Sesawang:

Kajian kepustakaan bertujuan untuk mengukuhkan lagi maklumat berkaitan warisan Mek Mulung. Penyelidik akan mengkaji buku-buku, jurnal-jurnal, artikel dan pelbagai jenis sumber dengan lebih mendalam tentang warisan Mek Mulung dalam konteks sosiobudaya. Antara tempat yang digunakan oleh pengkaji bagi mencari maklumat tentang tempat kajian adalah seperti Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Daerah Serdang, Kedah.

### 3.5 PERSAMPELAN

Persampelan kajian kualitatif haruslah mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan. Menurut (White & Marsh 2006), kemungkinan pelbagai tafsiran akan timbul daripada hasil penyelidikan. Persampelan kualitatif melibatkan data yang diperoleh daripada kumpulan khusus berbeza dengan kajian kuantitatif. Menurut (Patton 2002; Connaway & Powell 2010), untuk kajian kualitatif bilangan informan yang ditemubual tidak menjadi isu dalam menentukan saiz sampel.

Antara kriteria untuk mengenalpasti informan yang ditemubual dan menentukan sampel adalah melalui persoalan kajian. Penyelidik memilih jumlah informan yang sedikit untuk ditemu bual. Walaubagaimanapun, penyelidik memilih informan yang berpengalaman dan mampu memberi maklumat yang mendalam dan terperinci. Hal ini bersesuaian dengan pendekatan yang diakui oleh Patton (2002).

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bola salji. Pengkaji akan menemu bual seorang informan yang terdiri daripada pemain alat muzik serunai dalam persesembahan Mek Mulung orang kampung. Setelah selesai temubual, pengkaji akan meminta informan untuk mencadangkan informan lain bagi menjawab persoalan tentang kajian yang dilakukan sehingga saiz sampel yang mencukupi.

### 3.6 ANALISIS DATA

Analisis data adalah satu proses yang mana hasil dapatan kajian akan diuruskan dengan sistematik bagi mudah difahami. Penyelidik telah memilih kaedah analisis data tematik. Kaedah tematik adalah metod yang digunakan untuk menganalisis, mengidentifikasi, dan mengaitkannya dengan tema yang terdapat dalam sesuatu fenomena (Boyatzis, dalam Braun & Clarke, 2006). Selain itu, analisis data melalui kaedah tematik ini juga dapat digunakan untuk memahami sesuatu fenomena dengan lebih mendalam.



Carta Alir 2: Analisis Data

Antara proses menganalisis data oleh penyelidik adalah dimulai dengan membuat transkripsi data. Data selain daripada teks akan bertukar menjadi teks. Contohnya daripada audio atau video yang berkaitan dengan Mek Mulung serta diteruskan dengan proses terjemahan. Kemudian, data yang didapati akan ditetapkan tema khusus berkaitan dengan fokus kajian. Data ini akan ditapis dan dikurangkan terlebih dahulu mengikut keperluan kajian.

Seterusnya, pengkaji akan meletakkan kod bagi setiap kumpulan dan membuat pemilihan sub-kumpulan. Setelah itu, pengkaji akan membuat triangulasi data yang

akan dikaitkan dengan data dan kajian lepas. Akhir sekali, penyelidik akan membuat semakan daripada data yang didapati daripada informan bagi mengelakkan data itu tidak benar yang akan menimbulkan masalah kelak.

### 3.7 INSTRUMEN KAJIAN

Dalam menjalankan penyelidikan, penyelidik merupakan instrumen utama yang bertugas untuk mengumpulkan data atau maklumat mengenai kajian yang dijalankan dengan cara temubual dan melalui pemerhatian. Selain itu, penyelidik juga menggunakan instrumen iaitu alatan untuk merekod data semasa menjalankan kajian. Alatan ini dapat memudahkan pengkaji dan mengelakkan berlaku kekeliruan atau kecinciran data semasa menganalisis data. Antara instrumen yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

#### 3.7.1 Telefon Pintar

Semasa temubual secara tidak berstruktur di lakukan ke atas informan, instrumen telefon pintar digunakan untuk menghubungi para informan secara atas talian. Telefon pintar digunakan sebagai medium untuk menemuramah informan tersebut bagi memperoleh maklumat yang diinginkan. Terdapat dua orang informan yang akan ditemubual oleh penyelidik. Mereka adalah orang kampung di Wang Tepus, Kedah dan merangkap orang yang telah lama melibatkan diri dalam warisan Mek Mulung ini. Selain itu, perbualan temubual ini akan direkod dengan menggunakan telefon bimbit.

#### 3.7.2 Buku Catatan

Buku catatan juga merupakan instrumen yang penting bagi pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Maklumat yang didapati daripada informan akan dicatat di dalam buku catatan sebagai bukti untuk merekod data atau maklumat tersebut. Hal ini akan

memudahkan pengkaji untuk merujuk sekiranya ada data atau maklumat yang diingini tercicir semasa sesuatu proses penyelidikan dijalankan semasa menganalisis data kelak.

### 3.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, rangka kerja metodologi dalam kajian penyelidikan adalah sangat penting dan diutamakan sebelum dan semasa menjalankan pengumpulan data untuk menjayakan sesuatu penyelidikan. Bab ini membincangkan kaedah yang digunakan oleh penyelidik bagi menjawab persoalan kajian. Kaedah kajian, reka bentuk kajian, teknik pengumpulan data, persampelan, analisis data dan instrumen kajian diperjelaskan dalam bab ini. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dan kaedah penyelidikan etnografi.

Kaedah kualitatif ini juga terbahagi kepada kaedah temubual secara tidak berstruktur, pemerhatian dan kajian kepustakaan. Informan terdiri daripada orang yang lama melibatkan diri dalam penglibatan warisan Mek Mulung yang tinggal di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah kerana Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah merupakan satu-satunya kampung yang masih mengekalkan warisan Mek Mulung. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk menemubual orang kampung dan orang yang berpengalaman dalam Mek Mulung.

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menyatakan segala data yang didapati semasa menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif dan penyelidikan etnografi. Data ini diperoleh berdasarkan permasalahan kajian dan objektif kajian yang dikemukakan oleh pengkaji. Pengkaji haruslah memastikan data yang dikumpul mencapai objektif kajian. Hal ini bagi memudahkan proses analisis data dan bagi mengelakkan kajian ini tersasar daripada objektif yang dikemukakan. Berdasarkan kajian ini, terdapat tiga objektif yang telah dinyatakan iaitu pertama mengenalpasti sejarah dan perkembangan Mek Mulung di Negeri Kedah. Objektif yang kedua adalah mengkaji konteks sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung di Kedah serta objektif yang terakhir adalah menghuraikan langkah-langkah yang dilakukan dalam usaha melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah.

Selain itu, kajian ini mempunyai skop dan batasan yang tersendiri supaya pengkaji dapat memfokuskan kepada beberapa objektif sahaja. Data diperolehi melalui proses temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah temubual akan dilakukan secara langsung dan tidak berstruktur. Seramai lima orang informan akan ditemubual yang mana mereka ini terdiri daripada penggiat, pemain muzik, penduduk kampung di Wang Tepus, Kedah serta wakil daripada Persatuan Penggerak Seni Warisan Budaya (AKRAB) Kedah. Hasil daripada temubual ini, pengkaji dapat melihat sejarah dan kepentingan melestarikan warisan Mek Mulung dalam konteks sosiobudaya dan juga dapat mengetahui langkah-langkah yang diperlukan bagi menarik minat orang ramai supaya menghargai warisan seni persembahan Mek Mulung.

## 4.1 DAPATAN KAJIAN

### 4.1.1 Latar Belakang Informan

Pengkaji telah menemubual informan yang sangat arif tentang persembahan Mek Mulung iaitu Kamarusdin bin Debak atau dikenali sebagai Pak Din. Beliau merupakan pemain muzik iaitu serunai dalam teater Mek Mulung. Beliau berumur 65 tahun dan bukan berasal daripada keturunan langsung Mek Mulung. Pengkaji juga menemu bual penduduk kampung yang dipilih secara rawak semasa berjalan-jalan di kampung iaitu Encik Latiff bin Mustapha, Puan Hasanah binti Kamal dan Encik Anuar bin Baharom. Mereka memberikan pandangan yang berguna sebagai penonton teater Mek Mulung. Selain itu, pengkaji menemubual Encik Saipol Bahari Mohd Iman daripada Persatuan Penggerak Seni Warisan Budaya (AKRAB) Kedah. Beliau merupakan seorang pengarah teater yang pernah memenangi tempat pertama dalam Juara Festival Teater Malaysia 2012. Beliau juga merupakan aktivis yang banyak melibatkan diri dalam seni persembahan Mek Mulung.

## 4.2 MENGENALPASTI SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MEK MULUNG DI NEGERI KEDAH

### 4.2.1 Sejarah Mek Mulung di Negeri Kedah



Gambar 1: Persembahan Mek Mulung

(Sumber: Carian Google)

Menurut Eddy Aizad (2011), seni persembahan Mek Mulung dipercayai berakar umbi di Kedah tetapi dibawa ke Ligor, Siam dan dikenali di Nakhon Si Thammarat, selatan Thailand. Pada tahun 1821, sewaktu berlakunya perang antara Siam dengan Negeri Kedah, para penggiat Mek Mulung kembali ke Kedah dan menetap di Kampung Wang Tepus. Sejak itu, persembahan Mek Mulung berkembang di kampung tersebut sehingga kini. Hal ini diperkuuh dengan hasil temubual dengan Encik Kamarusdin bin Debak bersama orang kampung Wang Tepus:

*“Tiada bukti kukuh setakat ini untuk asal usul Mek Mulung. Menurut orang tua-tua dulu-dulu, Mek Mulung ni kumpulan persembahan, berasal dari Kedah. Tapi selepas tu dibawa ke Ligor, Siam. Kat Siam tu dia berkembang jadi sebuah teater, teater Mek Mulung.”*

(Kamarusdin bin Debak)

*“Ada juga yang kata Mek Mulung asal dari Ligor, Siam Ligor, dan mula diperkenalkan di Kedah masa Kedah berperang dengan Siam.”*

(Latiff bin Mustapha)

*“Daripada cerita arwah Ahmad Shahadan, masa Siam serang Kedah, ada lapan orang yang balik semula ke Kedah dan pi Kampung Perik kat Padang Terap. Kat kampung tu depa hidupkan semula Mek Mulung kat sana. Selepas tu, depa mula berpindah-randah sampai lah kampung Wang Tepus. Kat Kampung ni lah mula balik persembahan Mek Mulung sampai lah sekarang.”*

(Kamarusdin bin Debak)

Berdasarkan hasil daripada temubual ini dapatlah disimpulkan bahawa asal-usul Mek Mulung berasal daripada orang Kedah sendiri. Para penggiat Mek Mulung kembali

semula ke Kedah dan melestarikan teater tradisional Mek Mulung sehingga kini. Telahan dan andaian yang mengatakan persembahan ini berasal dari Thailand haruslah diperhalusi semula berdasarkan kepada sumber lisan yang didapati. Menurut (Mohd Ghous, 2003; Mohammad Luthfi, 2011), pelbagai mitos telah dikaitkan dengan asal usul Mek Mulung. Terdapat beberapa versi yang berbeza yang dikemukakan oleh informan di kampung Wang Tepus:

*“Ada beberapa versi tentang asal usul Mek Mulung ni. Versi pertama tentang suami isteri yang dah lama tak ada anak. Tak lama kemudian, si isteri mengandung, dan sewaktu bersalin bidan ketujuh datang. Mengikut kepercayaan orang dulu-dulu, kalau bidan tujuh datang, anak tu akan diberi kuasa sakti. Anak itu diberi nama Mek Mulung. Apabila anaknya besar, anak tu sangat suka menari dan menyanyi. Lagu “kecik milik” yang ada dalam persembahan Mek Mulung. Disebabkan itu, bapa dia tubuhkan kumpulan Mek Mulung bagi temani dia menyanyi dan menari.”*

(Kamarusdin bin Debak)

*“Versi lain pasal puteri raja dari Ligor, Siam iaitu anak bongsu daripada tujuh orang adik beradik. Puteri tersebut dibuang dalam hutan sebab dituduh bawa musibah kepada kerajaan mereka. Puteri raja tu belajar menyanyi dan menari daripada dayang pengasuh. Mereka akan pergi dari satu kampung ke kampung yang lain sehinggalah sampai ke Kampung Wang Tepus ni. Sejak daripada tu, puteri tubuhkan kumpulan Mek Mulung.”*

(Anuar bin Baharom)

Terdapat juga beberapa versi yang lain tetapi Encik Kamarusdin dan orang-orang kampung hanya mengingati dua versi popular yang selalu didengari oleh mereka sahaja. Sebagai contoh, versi cerita yang lain adalah mengenai keluarga miskin yang mencari rezeki dengan menghiburkan penonton dengan muzik mereka. (Mohamed Luthfi, 2016). Setiap ahli keluarga memainkan alat muzik yang berbeza. Bapanya bermain geduk serupa dengan muzik yang dihasilkan oleh Menora manakala ibunya bermain gendang mengikut gaya Mak Yong. Anak perempuan mereka yang bernama Mek Julung memainkan rebana mengikut gaya persembahan Hadrah. Mek Julung sangat suka bermain rebana sehingga dia memainkannya sewaktu mengembara ke seluruh kampung. Semasa di hutan, dia bertemu dengan seorang putera. Putera muda itu begitu kagum dengan kebolehan Mek Julung bermain muzik lalu memutuskan untuk menyertai Mek Julung bermain muzik. Kumpulan itu diterima oleh penduduk kampung dan tidak lama kemudian diiktiraf sebagai kumpulan Mek Mulung.

#### **4.2.2 Fungsi Persembahan Mek Mulung**

Menurut Encik Saipol Bahari Mohd Iman, daripada Persatuan Penggerak Seni Warisan Budaya (AKRAB) Kedah, terdapat beberapa fungsi dalam persembahan Mek Mulung. Antaranya adalah sebagai terapi pada penyakit, agama dan kepercayaan masyarakat terdahulu, upacara ritual serta sebagai hiburan kepada rakyat. Sebagai contoh, persembahan ini memberi peluang kepada penduduk kampung untuk mendapatkan rawatan bagi pelbagai jenis roh penyakit. Pesakit akan menjadi khayal sewaktu diubati oleh bomoh (pengubat). Dari segi agama dan kepercayaan, terdapat pengaruh animisme dalam persembahan Mek Mulung. Agama dan kepercayaan masyarakat dahulu kemungkinan bertindih dengan pengaruh Melayu-Islam (Rahmah 1979).

Selain itu, upacara ritual iaitu “sembah guru” dilakukan sebagai tanda penghormatan kepada nenek moyang. Menurut (Mohd Ghazali, 1995), tujuan upacara ini dipersembahkan adalah bagi memastikan penduduk kampung terpelihara daripada segala keburukan yang bakal menimpa mereka. Akhir sekali, pada musim menuai padi, penduduk kampung mempersembahkan teater Mek Mulung sebagai satu bentuk

hiburan dan perayaan bagi melahirkan rasa syukur penduduk kampung atas rezeki yang diperolehi (Ahmad, 1976).

#### 4.2.3 Perkembangan Budaya Warisan Mek Mulung Dalam Masyarakat Negeri Kedah

Perkembangan budaya warisan Mek Mulung dalam masyarakat Negeri Kedah perlulah ditekankan supaya budaya dalam warisan Mek Mulung terus kekal walaupun terdapat perubahan dalam seni persembahan tersebut. Pada masa kini, terdapat beberapa perubahan yang berlaku dalam struktur persembahan Mek Mulung yang diubah supaya seni persembahan ini masih boleh dinikmati oleh generasi akan datang. Perubahan ini dilakukan oleh pengamal persembahan Mek Mulung itu sendiri tetapi bergantung kepada tujuan persembahan itu diadakan.

Terdapat hanya segelintir sahaja struktur persembahan Mek Mulung yang akan diubah mengikut kesesuaian terhadap kepentingan pemuliharaan struktur Mek Mulung. Proses perubahan ini dilakukan pada aspek tertentu sahaja mengikut kesesuaian struktur persembahan tanpa mengubah bentuk asal dan tradisi persembahan Mek Mulung. Antara struktur persembahan yang diubah adalah lirik lagu, sembah guru, buka panggung dan bacaan mantera. Berdasarkan hasil temubual yang dijalankan, Encik Saipol Bahari Mohd. Iman menjelaskan bahawa:

*"Apa yang penonton lihat sekarang ialah Mek Mulung yang telah dibaik pulih semula, kita pentaskan ia kembali di pentas-pentas moden dengan kelengkapan yang lebih sempurna, tidak seperti semasa pemain dahulu memainkannya di bangsal."*

(Saipol Bahari Mohd. Iman)

*“Unsur-unsur ritual seperti sembah guru, buka panggung dah tiada dalam persesembahan Mek Mulung kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Dulu penonton tak gemar dengan Mek Mulung kerana ritual-ritual yang ada di dalam persesembahan tersebut, kita buang ritual yang ada dan kita hanya ambil seni dan budayanya untuk tatapan penonton.”*

(Saipol Bahari Mohd. Iman)

*“Malah topeng yang dahulunya dipenuhi dengan unsur mistik kami buat semula untuk dipakai oleh pemain-pemain Mek Mulung sekarang.”*

(Saipol Bahari Mohd. Iman)

*“Mantera-mantera yang diucapkan oleh pemain pula hanya kita ambil melodinya sahaja, tetapi tidak ada perkara yang bertentangan dengan agama Islam di dalam Mek Mulung yang dimodenkan ini.”*

(Saipol Bahari Mohd. Iman)

Menurut (Zamzuriah Zahari & Mohd Yuszaidy, 2020) perubahan ini penting bagi memastikan persembahan ini selari dengan zaman kini, Hal ini juga bagi memastikan Mek Mulung diterima oleh masyarakat pada masa kini dan masih relevan dengan keadaan semasa. Perubahan struktur harus dilakukan kepada Mek Mulung daripada bersifat tradisional kepada bentuk hiburan dan komersial. Tujuannya adalah bagi memastikan persembahan Mek Mulung setanding dengan persembahan tradisional yang lain dan terus berdaya saing antara satu sama lain.

#### **4.3 KONTEKS SOSIOBUDAYA YANG TERDAPAT DALAM WARISAN MEK MULUNG DI KEDAH**

Menurut (Noriati A. Rashid et. al. 2017), sosial mempunyai kaitan dengan kemasyarakatan dan masyarakat. Budaya pula berhubung kait dengan akal dan budi manusia. Oleh itu, sosiobudaya dapat didefinisikan sebagai hubungan budaya dengan cara hidup, adat istiadat dan kepercayaan masyarakat. Dalam persembahan Mek Mulung, nilai sosiobudaya yang terdapat dalam persembahan tersebut adalah tinggi. Justeru itu, warisan ini perlu dilestarikan oleh masyarakat di dalam atau di luar Negeri Kedah. Antara contoh nilai sosiobudaya yang terdapat dalam persembahan Mek Mulung adalah adat tradisi, keunikan dialek Kedah yang digunakan serta hubungan kekeluargaan yang utuh melalui seni persembahan Mek Mulung.

Sebagai contoh, kenduri akan diadakan sebelum persembahan Mek Mulung. Kenduri ini kebiasaannya diadakan pada waktu pagi. Tujuan kenduri ini diadakan adalah untuk menjamu waris-waris penggiat seni dan orang kampung juga dibenarkan untuk turut serta dalam kenduri tersebut. Kenduri ini juga diadakan secara besar-besaran dan kaum India serta kaum China yang tinggal di Kampung Wang Tepus juga turut hadir bagi memeriahkan kenduri tersebut. Penduduk kampung akan bersama-sama membantu dalam penyediaan juadah untuk dihidangkan kepada para tetamu. Menurut (Mohamad Luthfi, 2016), antara masakan tradisi tempatan Kedah biasanya yang dihidangkan untuk jamuan itu ialah kari daging, ikan kering, dan ulam-ulaman. Pada malam hari, mereka akan menyaksikan persembahan Mek Mulung dengan meriahnya. Hal ini menunjukkan gambaran awal ketinggian nilai sosiobudaya yang terdapat dalam komuniti Kampung Wang Tepus berkaitan seni warisan Mek Mulung.

Selain itu, keunikan Mek Mulung adalah dari segi dialek Kedah yang dipersembahkan dalam teater tradisional ini. Terdapat juga kepelbagai gaya bahasa yang menggambarkan estetika dialek Kedah dan sosiobudaya masyarakat Melayu Kedah pada zaman dahulu. Penggunaan dialek Kedah digabungkan sedikit dengan perkataan bahasa Inggeris sangat memberi kesan terhadap lakonan dan cerita dalam

persembahan Mek Mulung. Bagi dialek Kedah, perkataan yang digunakan didapati lebih memberi makna yang tepat mengikut konteks situasi, manakala bahasa Inggeris pula adalah sekadar menimbulkan suasana kelucuan.

Akhir sekali, sewaktu menjalankan kajian secara pemerhatian di Kampung Wang Tepus, pengkaji mendapati terdapat nilai sosiobudaya dalam konteks kekeluargaan antara pewaris Mek Mulung iaitu Pak Din dengan anaknya. Misalnya, anak Pak Din menunjukkan minat untuk bermain serunai dan meminta ayahnya supaya mengajarnya. Walaupun sibuk, Pak Din tetap meluangkan masa bagi mengajar anaknya bermain serunai. Hal ini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturrahim antara bapa dan anak malahan juga anak Pak Din boleh menjadi pelapis pemain alat muzik dalam persembahan Mek Mulung.

#### **4.3.1 Simbol Atau Makna Pada Pakaian, Alat Muzik, Tarian, Lagu Dan Ruang Persembahan Mek Mulung**

##### **i. Pakaian Pelakon Mek Mulung**

Dalam teater Mek Mulung, Raja atau dikenali juga sebagai Pak Mulung merupakan watak protagonis dan dibantu dengan watak tiga orang peran iaitu peran tua, peran muda, peran kiau, inang, ahli nujum yang di panggil Tok Wak serta beberapa orang penari. Kebiasaannya, jumlah peran adalah lebih daripada tiga orang. Jumlah ini bergantung kepada keperluan persembahan dalam satu-satu masa. Sungguhpun begitu, watak-watak peran tambahan hanya dikenali sebagai 'peran' sahaja tanpa apa-apa gelaran khusus. Para pelakon terdiri daripada kaum lelaki.

Setiap pelakon dan penari mempunyai pakaian yang tersendiri. Raja atau Pak Mulung akan memakai sepasang baju melayu, bersampin songket, memakai tengkolok, sihai iaitu selampai penutup bahu dan dada, ikat bengkung serta sisipan sebilah keris di bahagian pinggang. Busana yang dipakai oleh watak puteri adalah persalinan baju

kebaya yang cantik dengan kain sibai di bahu atau berselendang panjang. Para peran hanya memakai pakaian biasa iaitu baju ‘singlet’, sehelai kain pelekat dan ikat pinggang atau memakai baju biasa serta berseluar sahaja. Selain itu, mereka haruslah mempunyai sehelai kain bulat sebagai pengikat pinggang dan memakai topeng.

Tujuan topeng-topeng ini dipakai adalah bagi membezakan peranan dan watak masing-masing. Ahli Nujum yang dikenali sebagai Tok Wak akan memakai topeng hitam dan kain biasa. Sementara itu watak inang memakai kain bersama sehelai penutup kepala. Para penari pula memakai baju kebaya labuh persis pakaian seorang wanita. Pakaian-pakaian ini melambangkan estetika dan sosiobudaya Melayu pada zaman terdahulu. Selain itu, pemakaian busana ini adalah untuk menggambarkan watak-watak yang terdapat dalam Mek Mulung. Sebagai contoh, menurut Mohd Lutfi (2012), warna kuning yang dihiasi dengan motif pada busana tersebut melambangkan sikap dan perwatakan seorang raja atau puteri. Begitu juga, penggunaan warna merah yang dipakai oleh watak jahat atau garang dalam persembahan itu.



Gambar 2: Pakaian Raja Dan Puteri

Sumber: Carian Google




Gambar 3: Pakaian Peran

Sumber: Carian Google



Gambar 4: Topeng Yang Dipakai Oleh Tok Wak

Sumber: Carian Google



Gambar 5: Pakaian Penari Mek Mulung

Sumber: Carian Google

## ii. Alat Muzik

Antara jenis alat muzik yang digunakan sewaktu teater Mek Mulung dipersembahkan adalah gong, mong, rebana, serunai dan kecerek. Dalam ensembel Mek Mulung, diperlukan sebiji gong, sebiji mong, rebana ibu, rebana penganak, rebana peningkah, sebatang serunai dan tiga hingga lima pasang kecerek. Alat muzik gong digantung pada bahagian alang bumbung bangsal. Bagi memukul gong, tangan kiri haruslah memegang tali yang diikat pada gong terlebih dahulu supaya gong tidak bergoyang semasa dipukul. Dalam persembahan Mek Mulung, fungsi gong adalah sebagai alat penanda masa bagi menanda struktur kolotomik instrumental, lagu nyanyian dan sepanjang cerita prolog. Gong berfungsi sebagai alat penanda masa yang penting dalam struktur kolotomik sebuah lagu.

Selain itu, mong adalah sejenis gong yang mempunyai busut pada bahagian permukaannya. Bunyi nemonik ‘tuk’ akan terhasil apabila bahagian busut dipukul manakala bunyi nemonik ‘ting’ akan terhasil apabila permukaan yang rata dipukul. Mong juga berfungsi sebagai penanda masa sekunder. Di samping itu, rebana pula terbahagi kepada tiga iaitu rebana ibu, rebana peningkah, rebana penganak. Menurut

Ku Zam Zam Ku Idris (1983:29), setiap rebana mempunyai satu muka kulit yang dipasangkan pada baluh dan belulang. Fungsi rebana adalah untuk menghasilkan rentak dalam lagu. Setiap rebana mempunyai corak rentak tersendiri dan memainkan peranan yang penting dalam persembahan Mek Mulung.

Seterusnya, menurut Kamarusdin bin Debak yang juga merupakan pemain alat muzik serunai dalam persembahan Mek Mulung, serunai dikatakan berfungsi sebagai alat pembawa melodi dan dimainkan dalam lagu instrumental pada bahagian prolog dan cerita. Penjarian dan teknik pernafasan yang betul penting dalam penggunaan serunai. Akhir sekali, menurut Mohamed Ghous (2003), kecerek adalah pasangan buluh yang diketuk atau dipukul bersama. Bunyi dihasilkan apabila kedua-dua batang kecerek dipukul secara serentak. Kecerek berfungsi sebagai alat penanda masa sekunder dan dimainkan secara pusingan dalam jangka masa metrik yang tetap menerusi struktur kolotomik sebuah lagu.



Gambar 6: Ensemel Muzik 1 (Dari Kiri: Serunai, Gong Dan Rebana Ibu)

Sumber: Carian Google



Gambar 7: Ensemel Muzik 2 (Dari Kiri: Rebana Ibu, Rebana Peningkah, Rebana Penganak, Dan Kecerek.)

Sumber: Carian Google

### iii. Tarian Mek Mulung

Dalam persembahan Mek Mulung, tarian merupakan elemen yang penting dan pelengkap bagi menjayakan persembahan Mek Mulung. Gerak tari akan mengiringi setiap lagu yang dinyanyikan bergantung kepada lagu yang dimainkan dalam setiap urutan adegan dan babak persembahan. Menurut (Toh Lai Chee, 2014), konsep bulatan atau lingkaran akan digunakan dalam kebanyakan gerak tari. Persembahan akan dimulakan dengan Lagu Bertabuh dan akan berakhir dengan Lagu Bayan Guru. Tarian dimulakan semasa penari duduk di lantai dalam keadaan membuka sembah.

Setelah itu, penari akan berdiri dan terus melangkah membentuk sebuah bulatan. Terdapat tujuh jenis tarian dalam persembahan Mek Mulung iaitu Tarian Sembah, Tarian Puteri Mabuk, Tarian Gambang, Tarian Sirama, Tarian Menora, Tarian Sedayung dan Tarian Puteri Masuk Bilik Air. Perbezaan setiap tarian yang dipersembahkan adalah melalui gerakan jari. Gerakan tarian ini selari dengan penceritaan dalam persembahan Mek Mulung. Selain itu, tarian ini juga menunjukkan nilai kesantunan dalam masyarakat melayu terdahulu.



Gambar 8: Tarian Sembah

Sumber: Carian Google



Gambar 9: Pergerakan Dalam Bentuk Bulatan

Sumber: Carian Google

#### iv. Lagu Mek Mulung

Dalam pementasan Mek Mulung, terdapat lagu-lagu spesifik yang menjadi nadi dan menandakan perwatakan dalam persembahan tersebut. Sebagai contoh, Lagu Raja Nak Bangkit. Perwatakan raja diperkenalkan dalam lirik lagu ini yang memberikan keterangan tentang keperibadian serta latar belakang raja. Selain itu, watak puteri diperkenalkan dalam lirik lagu Gerak Timpuh. Watak puteri digambarkan sebagai seorang yang cantik, mempunyai tingkah laku yang baik, sabar dan berbudi bahasa.


Dalam kedua-dua lirik lagu ini mengisahkan tentang rupa fizikal raja dan puteri yang sempurna, gaya bahasa dan tingkah laku yang spesifik.

FTK



Gambar 10: Lirik Lagu Raja Nak Bangkit

Sumber: Carian Google



Gambar 11: Lirik Lagu Gerak Timpuh

Sumber: Carian Google

#### v. Ruang Persembahan

Ruang untuk membuat persembahan Mek Mulung adalah di sebuah bangsal. Bangsal ini mempunyai struktur pentas terbuka yang dibina di atas tanah dengan bumbung yang

disokong oleh tiang buluh. Dinding hanya terdapat pada satu sisi bangsal sahaja dan dibina menghadap ke utara. Hal ini kerana, persembahan Mek Mulung haruslah dipersembahkan menghadap ke utara. Menurut (Anuar bin Baharom,2021) persembahan Mek Mulung yang benar-benar mengikut amalan tradisi Mek Mulung hanyalah dimainkan di bangsal yang asal yang terdapat di Kampung Wang Tepus.

Dalam pada itu, makna sebenar persembahan Mek Mulung hanya akan difahami dan dihayati dengan baik jika ia dilakukan di tempatnya sendiri, Di tengah-tengah bangsal terdapat tiang utama atau dipanggil tiang seri. Fungsi khas tiang seri ini adalah sebagai pusat tumpuan pemain sepanjang persembahan dan dipercayai tapak yang mana pemain Mek Mulung akan merasai sesuatu semangat semasa mempersembahkan persembahan.



Gambar 12: Ruang Persembahan (Bangsal)

Sumber: Carian Google

#### **4.3.2 Nilai Sosiod budaya Atau Nilai Moral Dalam Jalan Cerita Mek Mulung**

Dalam penceritaan Mek Mulung tiada skrip yang digunakan. Pemain Mek Mulung hanya mengingati hikayat atau jalan cerita sebagai tanda panduan dalam persembahan. Tiada pengarah khas yang dilantik kerana semua pemain Mek Mulung sudah memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing bagi menjayakan persembahan. Pelakon akan menggunakan gabungan bahasa harian dialek Kedah dan Melayu Petani. Kebiasaannya, watak peran akan membuat lawak jenaka berkaitan perkara harian yang

berlaku bagi menghiburkan penonton. Pelakon Mek Mulung akan menuturkan dialek secara spontan.

Sesetengah cerita dianggap benar dan pernah terjadi suatu ketika dahulu dalam persesembahan Mek Mulung. Menurut Ahmad Shahadan (2018), terdapat 12 cerita yang dipersembahkan dalam persesembahan Mek Mulung tetapi hanya lima buah cerita sahaja yang selalu dimainkan iaitu Malim Bongsu, Cahaya Bulan, Dewa Kaca, Hikayat Puteri dan Dewa Muda. Menurut Zamzuriah (2019), cerita-cerita ini berkisar tentang kehidupan seharian masyarakat pada zaman dahulu. Cerita-cerita rakyat ini yang menjadi daya tarikan masyarakat setempat untuk menonton persesembahan Mek Mulung.

Berdasarkan hasil temubual bersama Puan Hasanah binti Kamal telah menyatakan bahawa cerita yang paling kerap dimainkan oleh pemain Mek Mulung adalah Cahaya Bulan dan Malim Bongsu di Kampung Wang Tepus. Setiap cerita mempunyai nilai sosiobudaya dan nilai moral yang tersendiri. Salah satunya adalah cerita Dewa Kaca. Dewa Kaca adalah berkisar tentang perjuangan yang dilalui pasangan suami isteri sewaktu memasuki alam perkahwinan. Pada zaman dahulu, cerita ini sering dimainkan semasa majlis perkahwinan dan berfungsi sebagai peringatan kepada pasangan pengantin supaya berhati-hati dengan khabar angin dan menyiasat sebelum membuat kesimpulan dan tindakan yang melulu.

Cerita Dewa Kaca bermula apabila sang puteri tertanya-tanya mengapa suaminya tidak datang menemuinya. Kemudian, puteri memanggil inangnya untuk melawat Raja di kediaman baginda (ladang balai) untuk mengetahui apa yang sedang dilakukan oleh baginda. Inang menghampiri kediaman Raja dan disambut oleh Awang. Awang kemudian memberitahu Inang bahawa Raja tidak pulang kerana baginda dihadiri oleh beberapa orang wanita. Inang kembali kepada Puteri dan memberitahunya tentang Raja. Puteri menjadi marah dan mengunci dirinya di dalam kamar.

Apabila Raja kembali menemui puteri pada keesokan harinya, tiada siapa yang dapat masuk kerana semua pintu berkunci. Raja akhirnya berjaya memasuki bangunan

dan berhadapan dengan puteri. Puteri bertutur dengan nada yang marah di hadapan Raja dan meminta raja untuk menceraikannya. Setelah itu, puteri pulang ke kediamannya dengan barang-barangnya. Perkara ini terjadi adalah disebabkan pembohongan Awang. Awang menyedari kesalahannya dan memberitahu Raja tentang pembohongannya kepada Inang. Raja dan Awang menemui puteri dan menjelaskan perkara sebenar yang terjadi. Puteri memaafkan mereka berdua dan kembali bersama raja. Si Awang dihukum supaya mengahwini Inang.

Selain itu, cerita Malim Bongsu. Cerita ini mengisahkan tentang Putera Malim Bongsu yang pergi memancing di sungai yang terletak berhampiran dengan istananya bersama dua orang pembantunya atau dikenali juga sebagai Awang- Awang. Apabila sampai ke sungai, mereka mendengar suara yang memberitahu bahawa tiada ikan di sana tetapi jika hendak mendapat ikan dengan banyak, mereka perlu ke kawasan hulu sungai. Hulu sungai berkenaan dikatakan dijaga oleh Siti Jagelan. Malim Bongsu dan Awang-awangnya memutuskan pergi ke hulu sungai bagi tujuan memancing di sana.

Rancangan Malim Bongsu dan Awang-awangnya itu kemudiannya telah sampai ke pengetahuan Siti Jagelan. Lalu, Siti Jagelan bersama inangnya mengusir Malim Bongsu dan Awangnya dari sungai. Dengan rasa kecewa, Malim Bongsu menuju ke sebuah hutan dan dia mencari jalan untuk memikat hati Siti Jagelan. Malim Bongsu pun meminta pembantunya untuk mencari ayam jantan. Ayam jantan itu digunakan untuk memikat Siti Jagelan agar jatuh cinta kepadanya. Kemudian, dia meletakkan ayam jantan itu berhampiran taman Siti Jagelan. Sebaik sahaja Siti Jagelan mendengar tangisan ayam jantan itu, dia terus menjadi pening kepala.

Siti Jagelan meminta pembantunya mencari siapa yang dapat menyembuhkannya. Inang pun masuk ke dalam hutan dan menemui Malim Bongsu. Malim Bongsu memberi inang tiga biji buah pinang. Setelah Siti Jagelan memakan buah yang ketiga, dia pun pulih seperti sediakala. Setelah itu, mereka jatuh cinta dan berjanji untuk berkahwin. Malim Bongsu berjanji akan kembali kepada Siti Jagelan setelah pulang ke istananya. Jika Malim Bongsu mungkir janji, dia akan bertukar menjadi ular

yang berenang di bawah laut manakala jika Siti Jagelan mungkir janji, dia akan bertukar menjadi monyet yang pincang dan gila di atas gunung berapi.

Setelah masa berlalu, seorang saudagar muda bernama Malim Panjang melihat Siti Jagelan dan jatuh cinta kepadanya. Siti Jagelan menjadi sedih apabila bapanya menerima permintaan Malim Panjang untuk berkahwin dengannya. Semasa Siti Jagelan menangis, tubuhnya berubah menjadi monyet dan diterbangkan ke gunung berapi. Semasa dalam perjalanan di dalam hutan, Malim Bongsu ternampak seekor monyet yang menyerupai Siti Jagelan. Dia membuat perangkap dan menangkap Siti Jagelan. Mereka kembali ke kampungnya yang mana Siti Jagelan berubah kembali menjadi manusia. Bapanya kemudian mengahwinkan Siti Jagelan dengan Malim Bongsu.

Jelaslah jalan cerita dalam persembahan Mek Mulung mempunyai nilai moral dan sosiobudaya yang boleh dijadikan teladan dan pengajaran untuk masyarakat kini. Cerita-cerita ini haruslah didokumentasikan supaya tiada tokok-tambah dan terpesong daripada jalan cerita yang sebenar. Jelas di sini menunjukkan kepentingan Mek Mulung kepada masyarakat. Justeru itu, pelestarian warisan Mek Mulung dalam konteks sosiobudaya perlulah diberi perhatian supaya dapat memelihara warisan ini daripada pupus begitu sahaja.

#### **4.4 LANGKAH-LANGKAH YANG DILAKUKAN DALAM USAHA MELESTARIKAN WARISAN MEK MULUNG DI NEGERI KEDAH**

Persembahan Mek Mulung agak kurang popular jika dibandingkan dengan seni persembahan lain seperti persembahan Mak Yong yang terkenal di Negeri Kelantan dan turut dikenali oleh orang luar daripada negeri tersebut. Sebilangan besar rakyat dari Negeri Kedah tidak mengenali warisan Mek Mulung ini terutamanya generasi muda. Pelapis yang melestarikan warisan ini juga semakin hari semakin pupus. Terdapat hanya segelintir pewaris seni persembahan itu yang masih aktif dan masih melestarikan persembahan tersebut. Hal ini akan menyebabkan warisan Mek Mulung berada pada tahap terancam jika masalah ini tidak diatasi dengan segera.



Seni persembahan Mek Mulung haruslah diangkat sama tinggi dengan warisan yang lain seperti Mak Yong dan Wayang Kulit. Negara akan mengalami kehilangan yang besar sekiranya salah satu seni persembahan iaitu Mek Mulung pupus. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, pelbagai pihak haruslah memainkan peranan dalam usaha untuk melestarikan warisan kesenian ini. Contoh pihak yang bertanggungjawab adalah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kedah (JKKN), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (A.K.R.A.B). Terdapat usaha yang dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah. Sebagai contoh, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) misalnya pernah menerbitkan sebuah buku berkaitan Mek Mulung yang merakamkan gambar-gambar dan temubual berkaitan persembahan Mek Mulung di Kampung Wang Tepus. Menurut Encik Saipol Bahari terdapat usaha lain yang dilakukan untuk melestarikan Mek Mulung misalnya:

*“Salah satunya adalah Teater AKRAB dengan kerjasama pihak JKKN membuat pementasan Mek Mulung di Istana Budaya Kebanyakkan usaha adalah membuat pementasan di UM (Universiti Malaya), ASWARA dan banyak lagi lah.”*

(Saipol Bahari Mohd Iman)

Pementasan Mek Mulung ini adalah sebagai satu usaha untuk memelihara dan melestarikan warisan Mek Mulung supaya tidak pupus. Pementasan Teater Mek Mulung ini berskala besar dan turut melibatkan penggiat seni persembahan tradisional terutamanya Mek Mulung. Pihak JKKN menyatakan warisan Mek Mulung harus membuat persembahan di pentas bertaraf antarabangsa, Istana Budaya bagi membuka mata orang ramai tentang keunikan yang ada dalam teater Mek Mulung. Selain itu, pementasan ini adalah salah satu usaha dan peluang supaya warisan Mek Mulung mendapat pengiktirafan warisan dunia. Apatah lagi Kerajaan Kedah juga telah mengisytiharkan teater tradisional Mek Mulung sebagai Seni Warisan Kedah yang berharap bakal membuka jalan kepada pengiktirafan Warisan Dunia oleh UNESCO.

Selain itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kedah (JKKN) akan menganjurkan Festival Teater Negeri (FTN) pada setiap dua tahun. Menurut (Mohd Rizal,2020), JKKN Kedah juga mengalu-alukan mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) yang hendak mementaskan teater dan turut menyediakan ruang, peluang dan platform kepada mana-mana pihak yang hendak berteater bagi melestarikan warisan ini. Inisiatif itu dilakukan oleh JKKN bagi memeriahkan pentas laman budaya JKKN. Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (A.K.R.A.B) juga berjaya mengangkat semula warisan Mek Mulung malah kumpulan itu merantau ke seluruh negara hingga ke Sarawak bagi memperkenalkan warisan ini kepada orang ramai.

Di samping itu, antara usaha yang telah dilakukan bagi melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah adalah penubuhan institusi seni seperti Sekolah Seni di setiap negeri dan Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang akan melahirkan generasi muda untuk menyambung legasi penggiat terdahulu. Para pelajar akan diajar tentang seni-seni persembahan yang terdapat di Malaysia termasuklah Mek Mulung. Mereka juga secara tidak langsung akan diajar tentang kepentingan dan keunikan yang terdapat dalam persembahan Mek Mulung. Para pelajar akan lebih menghargai warisan ini kerana didedahkan sewaktu pembelajaran. Justeru itu, secara tidak langsung warisan Mek Mulung dapat dilestarikan bukan sahaja di Negeri Kedah malahan di seluruh negeri.

Akhir sekali, beberapa dokumentari telah dibuat pada awal 2000-an di Kampung Wang Tepus berkaitan tradisi Mek Mulung oleh Muzium Negara Malaysia. Rakaman dokumentari boleh diakses dalam talian dan telah mendapat lebih tiga ribu tontonan pada masa itu. Terdapat juga siri rakaman dokumentari yang terbaru yang telah dibuat oleh JKKN sempena pelancaran buku berkaitan prestasi Mek Mulung di Kampung Wang Tepus. Seterusnya, Mek Mulung juga pernah muncul di televisyen sebagai sebahagian daripada siri sitkom saluran RTM1 iaitu Mai Chek Mai. Keseluruhan siri ini direka untuk memasukkan Mek Mulung sebagai tema persembahan pada musim keempat siri ini berlangsung.

## 4.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, seni persembahan Mek Mulung di Negeri Kedah penting untuk dilestarikan. Hal ini kerana, nilai sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung akan pupus jika dipandang ringan oleh orang ramai sama ada di dalam maupun di luar Negeri Kedah. Amalan sosiobudaya seharusnya ada dalam setiap lapisan masyarakat. Hal ini kerana, pembangunan negara hari ini berlaku akibat daripada perubahan sosiobudaya masyarakat. Oleh itu, sebagai masyarakat yang prihatin, kita hendaklah memandang tinggi kepada aspek peradaban sosiobudaya.

Berdasarkan hasil temubual yang dibuat di Kampung Wang Tepus dan wakil pihak (AKRAB) melalui kaedah temubual dan pemerhatian, pengkaji memperoleh data berkaitan sejarah dan asal usul seni persembahan Mek Mulung, nilai sosiobudaya dan langkah-langkah yang dilakukan untuk melestarikan warisan Mek Mulung. Berdasarkan data yang diperoleh, jelaslah terdapat nilai sosiobudaya dalam persembahan Mek Mulung. Misalnya, dari segi adat tradisi dalam persembahan Mek Mulung, dialek, pakaian, jalan cerita Mek Mulung perlu dilestarikan oleh pelbagai pihak.

Bagi merealisasikan usaha tersebut, Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (A.K.R.A.B) bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (JKKN) bekerjasama dalam menganjurkan pementasan Mek Mulung di Istana Budaya. Selain itu, terdapat juga usaha-usaha lain yang dilakukan oleh badan bukan kerajaan (NGO). Pihak JKKN sentiasa mengalu-alukan dan menyediakan platform kepada mana-mana pihak yang berminat untuk melestarikan warisan ini. Justeru itu, dengan usaha yang dilakukan diharap dapat mengangkat warisan Mek Mulung supaya dicalonkan dalam seni persembahan negara yang diiktiraf oleh UNESCO.

## BAB V

### PENUTUP

#### 5.0 PENGENALAN

Mek Mulung merupakan sebuah teater muzikal Melayu tradisional yang unik di Negeri Kedah dan telah dilestarikan di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah. Mek Mulung juga merupakan teater tradisional yang menggabungkan nyanyian, tarian, lawak jenaka, lakonan dan muzik instrumental. Menurut Shazryn (2010), Mek Mulung merupakan antara teater tradisional terawal yang wujud bersama teater yang lain seperti Jikey, Hadrah, Mak Yong, Wayang Kulit dan Menora. Seni persembahan ini masih dilestarikan di Kampung Wang Tepus dalam bentuk tradisional sejak beberapa generasi. Pada tahun 2014, Mek Mulung diberi pengiktirafan oleh kerajaan Negeri Kedah sebagai “Warisan Seni Tradisional”. Sungguhpun terdapat banyak lagi seni persembahan yang lain, namun Mek Mulung telah diberikan status warisan negeri kerana bentuk persembahannya yang unik dan mempunyai identiti yang tersendiri.

Mek Mulung pernah menjadi satu bentuk hiburan yang popular bagi masyarakat luar daripada Kampung Wang Tepus, Kedah. Para pemain Mek Mulung dikatakan telah mengembara di kampung yang lain bagi memenuhi undangan daripada penduduk kampung untuk mempersembahkan persembahan Mek Mulung di pelbagai majlis seperti majlis perkahwinan, berkhatan dan persembahan ritual. Walaubagaimanapun, kebelakangan ini, kekerapan persembahan Mek Mulung samada di Kampung Wang Tepus atau di tempat yang lain telah mengalami kemerosotan teruk disebabkan oleh pelbagai faktor seperti faktor sosial, budaya dan ekonomi. Hal ini juga berlaku kerana kemunculan medium hiburan yang baharu seperti media sosial, permainan atas talian dan sebagainya.

Warisan Mek Mulung mempunyai kepentingan yang tersendiri dan penting untuk dilestarikan supaya warisan ini tidak hilang ditelan arus kemodenan. Konteks sosiobudaya yang terdapat dalam persembahan ini sangat bernilai kepada masyarakat. Oleh itu, kajian tentang Mek Mulung dalam konteks sosiobudaya merupakan salah satu langkah yang dibuat oleh pengkaji dalam usaha melestarikan Mek Mulung. Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan berkaitan kajian yang telah dikaji iaitu Pelestarian Warisan Mek Mulung Di Negeri Kedah Dalam Konteks Sosiobudaya.

Terdapat lima bab dalam kajian ini yang terdiri daripada bab awalan iaitu pendahuluan kajian, bab dua adalah kajian literatur, bab tiga menjelaskan tentang metodologi kajian, bab empat adalah hasil dapatan kajian serta yang terakhir adalah kesimpulan keseluruhan kajian. Dalam bab awal, pengkaji menjelaskan serba sedikit tentang Mek Mulung dan permasalahan yang dihadapi sekiranya warisan ini tidak dilestarikan. Sebagai contoh, pewaris seni persembahan Mek Mulung semakin pupus dan terdapat hanya satu sahaja kumpulan yang tinggal dalam mempersembahkan Mek Mulung di Negeri Kedah.

Kebanyakan pewaris ini sudah meninggal dunia disebabkan faktor usia. Selain itu, dalam bab yang sama, terdapat tiga persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji iaitu bagaimanakah sejarah dan perkembangan Mek Mulung di Negeri Kedah bermula, apakah konteks sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung di Kedah serta apakah langkah-langkah yang diperlukan dalam usaha melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah. Persoalan kajian ini bertujuan memastikan objektif kajian tidak terpesong daripada kajian yang dilakukan di samping objektif kajian dapat dicapai.

Dalam bab dua, pengkaji menjelaskan tentang kajian literatur yang diperolehi berdasarkan hasil kajian pengkaji lepas. Dalam bab ini, aspek yang dijelaskan adalah berkaitan dengan pelestarian warisan dalam seni persembahan Mek Mulung. Pelestarian warisan Mek Mulung dilakukan bagi mengekalkan nilai sosiobudaya dan identiti dalam persembahan Mek Mulung. Di samping itu, konteks sosiobudaya dan langkah yang

harus diambil oleh pihak bertanggungjawab bagi melestarikan Mek Mulung juga turut dijelaskan dalam bab ini. Akhir sekali, teori semiotik budaya turut digunakan kerana ia merupakan elemen penting bagi mengenalpasti persoalan kajian dalam sesuatu penyelidikan.

Seterusnya, dalam bab tiga, pengkaji menjelaskan berkaitan metodologi kajian yang sangat penting dalam menjalankan kajian bagi mendapatkan data yang tepat dan mencukupi semasa proses analisis data dilakukan. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan penyelidikan secara etnografi. Kaedah yang digunakan adalah melalui temubual, pemerhatian dan kajian kepustakaan. Pengkaji dapat memperoleh maklumat dan data dengan jelas sewaktu menemubual informan yang terlibat dalam persembahan Mek Mulung serta menjalankan kaedah pemerhatian sewaktu menonton persembahan Mek Mulung secara langsung.

Dalam bab empat menjelaskan mengenai dapatan kajian yang diperoleh secara menyeluruh melalui kaedah temubual dan pemerhatian. Data diperoleh hasil daripada kaedah temubual bersama lima orang informan iaitu Encik Kamarusdin bin Debak selaku pemain serunai dalam persembahan Mek Mulung, Encik Saipol Bahari Mohd Iman daripada Persatuan Penggerak Seni Warisan Budaya (AKRAB) Kedah serta tiga orang penduduk kampung yang dipilih secara rawak iaitu Encik Latiff bin Mustapha, Puan Hasanah binti Kamal dan Encik Anuar bin Baharom. Soalan temubual adalah berdasarkan kepada objektif kajian. Pengkaji dapat mengetahui sejarah Mek Mulung, konteks sosiobudaya yang terdapat dalam persembahan Mek Mulung di samping usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dalam melestarikan Mek Mulung.

## 5.1 PERBINCANGAN

Seni persembahan Mek Mulung di Kedah haruslah dilestarikan kerana mempunyai kepentingan kepada masyarakat terutamanya dalam konteks sosiobudaya. Keunikan sejarah dan nilai sosiobudaya yang tinggi dalam persembahan Mek Mulung boleh

dijadikan pengajaran dan bimbingan kepada generasi kini dan seterusnya. Pada masa kini, struktur persembahan Mek Mulung yang berkait dengan unsur ritual telah dibuang daripada persembahan kerana bercanggah dengan ajaran Islam. Struktur persembahan juga diubah mengikut kesesuaian pada masa kini supaya persembahan Mek Mulung masih boleh dilestarikan dan dinikmati oleh generasi seterusnya. Hal ini juga merupakan salah satu langkah bagi melestarikan teater tradisional Mek Mulung.

### **5.1.1 Sejarah Dan Perkembangan**

Hasil kajian menunjukkan seni persembahan Mek Mulung adalah teater tradisional yang berasal dari Kedah dan berkembang di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah. Terdapat banyak versi cerita yang mengisahkan tentang asal usul Mek Mulung. Namun begitu, cerita-cerita ini hanya disampaikan secara lisan dari satu generasi ke generasi yang lain kerana tiada bukti yang kukuh berkaitan asal usul Mek Mulung. Selain itu, salah satu fungsi Mek Mulung adalah sebagai hiburan masyarakat dahulu semasa musim menuai padi. Akhir sekali, fungsi Mek Mulung sebagai terapi pada penyakit dan ritual penyembahan nenek moyang juga turut dibuang kerana mengandungi unsur bomoh dan syirik.

### **5.1.2 Konteks Sosiobudaya Dalam Persembahan Mek Mulung**

Dalam persembahan Mek Mulung, terdapat nilai sosiobudaya yang boleh diperlakukan pada masa kini dan generasi seterusnya. Misalnya, nilai sosiobudaya dari segi dialek, adat-adat dan jalan cerita dalam persembahan Mek Mulung. Nilai sosiobudaya dari aspek dialek Kedah dapat menggambarkan kehidupan masyarakat terdahulu sewaktu berkomunikasi antara satu sama lain. Keunikan dialek Kedah dari segi gaya intonasi dan penyampaiannya tidak boleh diikuti oleh orang luar yang bukan berasal dari Negeri Kedah. Penonton yang berasal dari Negeri Kedah akan lebih mendalam dan menikmati persembahan Mek Mulung. Hal ini tidak bermakna bahawa masyarakat yang berasal dari negeri lain tidak boleh menikmati persembahan ini. Masyarakat luar dari Negeri

Kedah juga dapat menyaksikan persembahan ini di samping dapat mempelajari dialek Kedah melalui teater tradisional Mek Mulung.

Selain itu, kenduri yang diadakan sebelum persembahan Mek Mulung juga merupakan salah satu nilai sosiobudaya yang terdapat dalam persembahan Mek Mulung. Apabila kenduri diadakan, penduduk Kampung Wang Tepus akan berganding bahu untuk menyediakan persiapan kenduri. Kenduri ini dihadiri oleh pelbagai kaum di Kampung Wang Tepus. Hal ini dapat memupuk semangat perpaduan antara kaum. Kenduri ini bertujuan untuk menjamu pewaris dan pemain Mek Mulung. Namun begitu, penduduk kampung juga turut dibenarkan hadir bagi memeriahkan majlis. Justeru itu, dengan mengadakan kenduri ini, masyarakat dapat meraikan dan menghargai jasa-jasa pemain dan pewaris Mek Mulung yang masih melestarikan warisan ini sehingga kini. Jelaslah di sini, nilai sosiobudaya yang wujud melalui persembahan Mek Mulung haruslah dipertahankan dan dijaga supaya adat ini tidak hilang begitu sahaja.

Di samping itu, pengkaji mengaitkan teori semiotik budaya dengan simbol atau makna yang terdapat pada aspek pakaian, alat muzik, tarian, lagu dan ruang persembahan Mek Mulung. Kesemua aspek ini melambangkan gaya hidup seharian, nilai sosiobudaya dan estetika Melayu yang wujud dalam masyarakat terdahulu. Akhir sekali, jalan cerita dalam persembahan Mek Mulung juga mempunyai nilai sosiobudaya yang tersirat pada setiap cerita yang dimainkan. Misalnya, cerita Dewa Kaca mengisahkan tentang perjuangan dalam mempertahankan kehidupan berumah tangga disebabkan kehadiran orang luar yang suka menyampaikan khabar angin yang palsu. Cerita ini selalu dimainkan di majlis perkahwinan bagi memberi peringatan kepada suami isteri yang baru memasuki alam perkahwinan. Nilai sosiobudaya dan nilai moral yang terdapat dalam cerita Dewa Kaca ini boleh dijadikan sebagai pengajaran kepada pasangan pengantin dan seluruh penonton yang menonton persembahan Mek Mulung.

### **5.1.3 Usaha Yang Dilakukan Dalam Melestarikan Mek Mulung**

Sejak pengisytiharan Mek Mulung sebagai warisan Negeri Kedah pada tahun 2014, terdapat banyak usaha yang dilakukan oleh individu, kumpulan dan organisasi untuk meningkatkan kesedaran tentang kewujudan Mek Mulung dan peranan istimewanya dalam komuniti Kampung Wang Tepus. Usaha dalam melestarikan Mek Mulung masih giat dijalankan terutamanya oleh Persatuan Penggerak Seni Warisan Budaya (AKRAB) Kedah dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kedah. Usaha-usaha ini dilakukan bagi mendedahkan warisan Mek Mulung kepada masyarakat di Malaysia terutamanya rakyat Negeri Kedah. Antara usaha yang dilakukan adalah pihak AKRAB, JKKN dan organisasi yang lain adalah mereka sering membuat pementasan Mek Mulung di Istana Budaya. Seperti yang kita ketahui, Istana Budaya sering dikunjungi oleh para pelancong samada di dalam atau luar negara. Hal ini secara tidak langsung akan membuka mata dan menarik minat orang ramai bagi mengenali seni persembahan Mek Mulung dengan lebih mendalam.

Selain itu, penubuhan institusi seni seperti Sekolah Seni di setiap negeri dan Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), rakaman dokumentari serta penganjuran Festival Teater Negeri (FTN) pada setiap tahun juga merupakan langkah daripada pihak kerajaan dan pihak bukan kerajaan (NGO) dalam usaha untuk melestarikan Mek Mulung. Langkah yang dilakukan merupakan antara strategi bagi mengkomersialkan seni persembahan tradisional Mek Mulung supaya setara dengan seni persembahan yang terkenal seperti Wayang Kulit, Mak Yong dan Dikir Barat. Bukan itu sahaja, usaha-usaha ini sedikit sebanyak boleh membuka peluang kepada teater tradisional Mek Mulung supaya sampai di peringkat antarabangsa.

## **5.2 CADANGAN DAN SARANAN**

Teater tradisional Mek Mulung merupakan salah satu produk warisan yang terdapat di Negeri Kedah. Walaupun teater Mek Mulung sudah lama wujud, namun tidak ramai yang mengenali seni persembahan ini kerana tidak terkenal seperti seni persembahan

Mak Yong dan Wayang Kulit. Kegiatan mempromosikan warisan Mek Mulung haruslah dipergiatkan lagi oleh pelbagai pihak supaya warisan ini lebih dikenali di Malaysia dan luar negara. Setelah pengkaji mendapatkan data mengenai sejarah dan perkembangan, konteks sosiobudaya serta langkah-langkah yang dilakukan dalam melestarikan Mek Mulung, terdapat beberapa cadangan dan saranan untuk menjadikan warisan ini lebih dikenali oleh orang ramai.

### **5.2.1 Cadangan Kepada Individu Dan Masyarakat**

Pada era globalisasi kini, masyarakat lebih gemar berhibur dengan menonton filem atau drama dari negara asing seperti Korea Selatan dan Amerika. Masyarakat memberi tanggapan bahawa filem dan persembahan tradisional telah ketinggalan zaman dan tidak lagi relevan pada zaman kini. Semakin hari, seni persembahan tradisional semakin dilupakan dan dipinggirkan oleh masyarakat. Sebagai contoh, warisan Mek Mulung yang terdapat di Negeri Kedah jarang diketahui oleh orang luar bahkan penduduk di Negeri Kedah juga jarang mendengarnya. Oleh itu, antara langkah-langkah yang diperlukan bagi menarik minat orang ramai termasuklah orang luar dari Negeri Kedah dalam usaha melestarikan warisan Mek Mulung adalah dengan cara mengiklankan seni persembahan Mek Mulung melalui platform media sosial dan rancangan televisyen.

Media sosial merupakan saluran komunikasi digital yang boleh digunakan untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara dua hala serta berkongsi maklumat antara satu sama lain. Perkembangan media sosial yang pelbagai dan menarik menyebabkan masyarakat lebih gemar meluangkan waktu dengan melihat aplikasi-aplikasi yang terdapat dalam telefon pintar. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab hendaklah memanfaatkan perkara ini dengan cara menyiarkan iklan, filem, dokumentari dan lain-lain lagi berkaitan Mek Mulung bagi membuka mata masyarakat tentang keunikan seni persembahan Mek Mulung. Rancangan yang berkaitan dengan warisan Mek Mulung haruslah diperbanyakkan untuk disiar di media sosial.

Selain itu, antara cadangan yang lain adalah dengan menyediakan sebuah laman web berkaitan maklumat penting dan perkembangan mengenai persembahan Mek Mulung. Laman web ini dibina bagi memudahkan masyarakat untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan warisan ini. Dalam laman web ini juga boleh disediakan ruang platform media sosial bagi membolehkan orang ramai berinteraksi secara tidak rasmi dengan ahli kumpulan Mek Mulung. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi akses kepada khalayak ramai yang hendak mempelajari atau menyertai persembahan Mek Mulung.

Akhir sekali, peranan individu dan masyarakat juga sangat penting dalam melestarikan warisan Mek Mulung. Individu dan masyarakat mestilah menghargai warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang supaya identiti seni persembahan tidak dilupakan oleh generasi seterusnya. Sebagai contoh, individu dan masyarakat perlulah menyokong usaha pihak JKKN dalam membangunkan teater Mek Mulung supaya dikenali oleh orang ramai. Misalnya, dengan cara menonton persembahan Mek Mulung yang dipersembahkan di Istana Budaya dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan berkaitan Mek Mulung. Hal ini bukan sahaja dapat menimbulkan minat terhadap seni persembahan Mek Mulung malahan juga dapat mendedahkan masyarakat tentang nilai-nilai sosiobudaya dalam Mek Mulung dengan lebih mendalam.

### **5.2.2 Cadangan Kepada Pihak Kerajaan Dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)**

Peranan pihak kerajaan dan pihak bertanggungjawab yang lain sangat penting dalam usaha untuk melestarikan Mek Mulung. Hal ini kerana, mereka mempunyai kuasa dan diberi tanggungjawab untuk memulih dan mempromosikan kepentingan Mek Mulung kepada masyarakat bagi meningkatkan kesedaran yang lebih tinggi terhadap nilai sosiobudaya yang ada dalam persembahan Mek Mulung. Oleh itu, pihak kerajaan dan pihak NGO haruslah meneruskan usaha yang telah dilakukan dan mencari inisiatif yang lain bagi meningkatkan lagi usaha mempromosi warisan ini kepada orang ramai.

Antara cadangan kepada pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) adalah dengan membina bangsal yang merupakan ruang persembahan Mek Mulung dengan lebih kukuh kerana kebanyakan bangsal hanya dibina untuk jangka masa sementara. Seperti yang kita ketahui, bangsal merupakan tempat yang penting jika hendak mempersembahkan Mek Mulung. Oleh hal yang demikian, pembinaan bangsal menjadi struktur kekal dengan bahan yang tahan lama mampu membuatkan ruang persembahan ini bertambah fungsinya. Sebagai contoh, bangsal ini boleh dijadikan ruang komuniti yang boleh diadakan aktiviti lain selain persembahan Mek Mulung.

Ruang persembahan ini boleh menggalakkan penglibatan komuniti yang lebih baik terhadap warisan Mek Mulung dan juga boleh dijadikan galeri atau muzium kecil yang mana maklumat tentang Mek Mulung boleh disimpan. Hal ini membolehkan masyarakat belajar dan beroleh pengalaman secara langsung menerusi teater Mek Mulung. Ruang persembahan bangsal ini juga boleh menjadi tempat kepada para pengiat Mek Mulung melatih golongan muda dan kanak-kanak mempelajari tradisi Mek Mulung supaya menjadi pelapis Mek Mulung pada masa akan datang.

Selain itu, Kampung Wang Tepus, Jitra juga boleh dijadikan sebagai tempat pelancongan warisan. Pelancong dalam atau dari luar negara akan dapat menonton persembahan Mek Mulung yang diadakan di kampung tersebut. Justeru itu, persembahan Mek Mulung ini bukan sahaja dapat diperkenalkan kepada orang ramai yang berada di luar Negeri Kedah malahan dapat membantu penduduk kampung untuk menjana pendapatan. Seterusnya, pengkaji juga mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya warisan Mek Mulung dimasukkan dalam silibus pembelajaran di sekolah. Melalui langkah ini, para pelajar akan diberi pendedahan lebih awal berkaitan Mek Mulung di sekolah. Hal ini sedikit sebanyak akan memupuk minat para pelajar untuk belajar mengenai Mek Mulung dan kemungkinan akan menjadi pelapis yang baharu dalam seni persembahan ini.

Akhir sekali, pemberian insentif kepada penggiat warisan seperti Mek Mulung juga merupakan antara inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi

melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah. Perkara ini bukan sahaja dapat memastikan kebajikan mereka terjamin malah memberikan mereka ruang untuk mengekspresikan persesembahan dan seni kreatif mereka dengan lebih baik. Contohnya, dengan bantuan kewangan yang banyak, penggiat seni dapat menyertai Konvensyen Kebudayaan dan Kesenian di peringkat antarabangsa untuk mempersembahkan teater Mek Mulung.

### 5.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bagi memastikan matlamat dan objektif kajian dicapai, pengkaji menyimpulkan keseluruhan hasil dapatan kajian dalam bab ini. Setelah kajian dilaksanakan, pengkaji dapat mengenalpasti sejarah dan perkembangan Mek Mulung di Kedah. Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui konteks sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung di Kedah serta dapat menghuraikan langkah-langkah yang dilakukan oleh pelbagai pihak dalam usaha melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah. Seterusnya, bagi memastikan data yang diperoleh itu tepat, pengkaji menggunakan kaedah kajian yang bersesuaian dengan kajian iaitu kaedah kualitatif dan penyelidikan secara etnografi.

Pengkaji menemubual informan yang sudah lama bergiatan dalam seni warisan Mek Mulung iaitu wakil dari Persatuan Penggerak Seni Warisan Budaya (AKRAB) Kedah iaitu Encik Saipol Bahari Mohd Iman dan pemain serunai dalam teater Mek Mulung iaitu Encik Kamarusdin bin Debak dan beberapa penduduk Kampung Wang Tepus. Setelah proses temubual dijalankan, pengkaji melakukan proses pengumpulan data daripada hasil temubual dan menganalisis data yang diperoleh dalam bentuk teks. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kesemua objektif kajian telah dicapai.

Berdasarkan hasil analisis yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa masyarakat luar daripada Negeri Kedah bahkan segelintir daripada masyarakat Kedah tidak mengetahui akan kewujudan teater Mek Mulung. Hal ini terjadi disebabkan

oleh masyarakat lebih terdedah kepada hiburan moden seperti *k-pop*, *anime* dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, golongan muda sekarang kurang peka akan kewujudan seni persembahan tradisional. Seni persembahan Mek Mulung merupakan identiti masyarakat Negeri Kedah. Oleh itu, usaha dalam melestarikan Mek Mulung haruslah giat dijalankan dan diteruskan supaya warisan ini tidak ditelan zaman.

Akhir sekali, kajian berkaitan Mek Mulung sangatlah kurang jika dibandingkan dengan seni persembahan yang lain. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian yang telah dijalankan ini akan didokumentasikan supaya menjadi sumber rujukan pada masa akan datang. Penyelidikan ini juga adalah salah satu usaha yang dilakukan oleh pengkaji bagi melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah terutamanya dalam konteks sosiobudaya. Oleh itu, melalui kajian ini, jelaslah bahawa teater tradisional Mek Mulung di Negeri Kedah mempunyai keunikan dan nilai sosiobudaya dalam persembahannya yang harus dipelihara serta dilestarikan supaya warisan ini kekal sehingga generasi akan datang.

## RUJUKAN

Abdul Aziz, S. (1986, January 16). *The Mek Mulung show: A Kedahan speciality*. The Straits Times, p.7.

Ahmad, L. (1976). Mek Mulong. *Kedah Dari Segi Sejarah*, 7(1), 40-45.

Amirul, H. A. (2011, December 4). *Mek Mulung Cahaya Bulan*. Metro Ahad, p. B26.

Hamzah, A. (2010). *Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya*. Jurnal Pengajian Media Malaysia. 6(1).

Ismail Hamid (1988). *Masyarakat dan budaya Melayu*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairul Hisham, A. (2012). *Tari Sebagai Komponen Penting Dalam Persembahan Teater Mek Mulung di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah*. Latihan Ilmiah, Jabatan Tari, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ku Zam Zam Ku Idris. (1978). *Muzik Tradisional Melayu di Kedah Utara: ensemble-ensemble wayang kulit, mek mulung dan gendang keling dengan tumpuan kepada alat-alat, pemuzik-pemuzik dan fungsi*. (M.A), Kuala Lumpur: UniversitiMalaya.

Mek Mulung. (2003). *Siri Mengenal Budaya 1/2003*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Mohd Ghazali Abdullah [ed]. (1995). *Teater Tradisional Melayu: Buku Satu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan Malaysia.

Mohamed Ghouse Nasarudin. (2000). *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Zamzuriah Zahari, (2020) “*Persembahan Tradisional Mek Mulung di Malaysia: Perubahan Struktur Persembahan*” JMS Vol. 3 Issue 1.

Omar Abdullah (1986). *Mek Mulung: Sebuah Persembahan Tradisional Kedah*. Dalam Intisari Kebudayaan Melayu Kedah. m.s. 29-37. Majlis Kebudayaan Kedah.

Toh Lai Chee. (2004). *Muzik dalam Mek Mulung: Perkaitannya dengan Perwatakan, Gerak - Geri dan Kegiatan*. Tidak diterbit Sarjana Sastera. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Toh, L. C. (2006). *Alat Muzik Dan Lagu Dalam Muzik Mek Mulung*. Wacana Seni Journal of Arts Discourse, 5, 69-112.

Umi Abdullah [ed]. (2003). *Siri Mengenal Budaya: Mek Mulong*. Kuala Lumpur. Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan Malaysia.

Yusoff, Y.M., & Dollah, H (2011). *Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005; A Review*. Jurnal Melayu, 8.

Zainal Alam Kadir. (2002). “*Keeping ‘Mek Mulong’ Alive*” dalam akhbar New Strait Times. Kuala Lumpur: 16 Februari.

Zinitulniza, A. K. (2014). *Mek Mulung: Kesenian Perantaraan Manusia dan Kuasa Ghaib Warisan Kedah Tua*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Zubir, M. Y. (2015, February 15). *Mek Mulung di Istana Budaya*. Berita Minggu, Kembara, p. 20.

Zuhri, K. (1996, March 26). *Mek Mulung masih bernadi*. Harian Metro, Rencana, p. 16.

## **PROSEDUR TEMUBUAL**

Encik Kamasrudin bin Debak (panggilan mesra Pak Din), 65 tahun,  
Pemain Serunai Mek Mulung & kerja sendiri.

Encik Saipol Bahari Mohd Iman, 37,  
Aktivis Teater Negeri Kedah.

Encik Latiff bin Mustapha, 53,  
Penternak lembu dan kambing.

Puan Hasanah binti Kamal, 41,  
Berniaga.

Encik Anuar bin Baharom, 60,  
Kerja sendiri.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## LAMPIRAN

### **SOALAN TEMUBUAL**

#### **TAJUK: PELESTARIAN WARISAN MEK MULUNG DI NEGERI KEDAH DALAM KONTEKS SOSIOBUDAYA**

##### **Persoalan untuk temubual (temubual secara terbuka dan tertutup)**

1. Bolehkah anda menceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri?

##### **Objektif 1: Mengenalpasti sejarah dan perkembangan Mek Mulung di Negeri Kedah.**

1. Bagaimanakah sejarah Mek Mulung wujud di Negeri Kedah?
2. Apakah fungsi persembahan Mek Mulung?
3. Bagaimanakah warisan Mek Mulung terus berkembang dan menjadi budaya dalam masyarakat Negeri Kedah?

##### **Objektif 2: Mengkaji konteks sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung di Kedah.**

1. Apakah konteks sosiobudaya yang terdapat dalam warisan Mek Mulung di Kedah?
2. Apakah terdapat simbol atau makna yang tersendiri pada pakaian, muzik, tarian dan ruang persembahan dalam persembahan Mek Mulung?
3. Apakah terdapat nilai sosiobudaya atau nilai moral dalam jalan cerita Mek Mulung?

##### **Objektif 3: Menghuraikan langkah-langkah yang dilakukan dalam usaha melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah.**

1. Apakah usaha yang telah dilakukan bagi melestarikan warisan Mek Mulung di Negeri Kedah?

2. Apakah langkah-langkah yang diperlukan bagi menarik minat orang ramai termasuklah orang luar dari Negeri Kedah?
3. Siapakah pihak bertanggungjawab yang memainkan peranan dalam melestarikan warisan Mek Mulung?

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN